

**PENGETAHUAN DAN PENGEKALAN PEMBUATAN JEBAK
PUYUH DALAM KALANGAN MASYRAKAT KAMPUNG
BUNOHAN, TUMPAT KELANTAN**

NURHAFIZAH BINTI MOHAMAD FAUZI

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENGETAHUAN DAN PENGEKALAN PEMBUATAN JEBAK PUYUH
DALAM KALANGAN MASYRAKAT KAMPUNG BUNOHAN,
TUMPAT KELANTAN**

Oleh:

NURHAFIZAH BINTI MOHAMAD FAUZI

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

☐

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)


☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan Pelajar

Tarikh: 24 Februari 2025



Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer

Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Tandatangan Penyelia

25/2/2025

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya yang telah menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri dalam menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda serta para sahabat yang mulia.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya, saya berjaya menyiapkan Projek Penyelidikan ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan atas bimbingan, tunjuk ajar serta idea-idea yang telah diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Seterusnya, penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada ibu bapa saya yang sentiasa memberikan sokongan moral, dorongan serta doa yang tidak pernah putus agar saya dapat menyelesaikan kajian ini dengan baik. Tanpa mereka, sudah pasti saya menghadapi kesukaran dalam menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya yang sentiasa memberikan sokongan, bertukar pandangan serta membantu dalam pelbagai aspek sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Ucapan penghargaan istimewa turut saya tujukan kepada enam orang informan yang telah sudi berkongsi ilmu, pengalaman, serta maklumat berharga sepanjang sesi temu bual yang saya jalankan bagi memperoleh data dan jawapan berkaitan objektif serta persoalan kajian bertajuk "Pengetahuan dan Pengekalan Pembuatan Jebak Puyuh dalam Kalangan Masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan." Segala perkongsian mereka telah memberi nilai tambah yang besar dalam kajian ini dan saya memanfaatkan sepenuhnya dalam proses penganalisan data.

Akhir sekali, segala bantuan dan sokongan yang diberikan kepada saya telah menjadi pemangkin dalam mencetuskan idea serta memperoleh maklumat yang relevan sepanjang menjalankan kajian ini. Saya berharap agar penyelidikan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan saya, tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakat dalam usaha memelihara warisan budaya yang semakin terpinggir.

Sekian, terima kasih.

PENGEKALAN PEMBUATAN JEBAK PUYUH DALAM KALANGAN MASYARAKAT KAMPUNG BUNOHAN, KELANTAN

ABSTRAK

Jebak Puyuh merupakan salah satu warisan kebudayaan ketara yang mempunyai nilai simbolik dalam kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Jebak puyuh digunakan untuk memerangkap burung dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri melalui reka bentuknya. Walau bagaimanapun, kepentingan dan nilai sejarah Jebak Puyuh semakin kurang mendapat perhatian, terutama dalam kalangan generasi muda. Kajian saintifik mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan pembuatan Jebak Puyuh juga kurang diterokai kerana kebanyakan masyarakat setempat tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai proses pembuatan dan kepentingan warisannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memahami makna simbolik dan nilai Jebak Puyuh sebagai salah satu produk kearifan tempatan. Tiga objektif utama dibentuk untuk mencapai tujuan kajian iaitu: mengenal pasti makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh, mengkaji cara pembuatannya dan menganalisis langkah-langkah pelestarian yang relevan untuk memastikan kelangsungan warisan Jebak Puyuh. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui temu bual dan pemerhatian. Seramai enam orang informan terlibat dalam kajian ini dan kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk mengenal pasti pola-pola utama dalam kajian. Terdapat beberapa tema utama hasil analisis data kajian iaitu sejarah dan makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh, bahan yang digunakan dalam pembuatan, proses serta teknik pembuatan, faktor pengurangan minat terhadap pembuatan Jebak Puyuh, cara ilmu diwarisi dalam kalangan masyarakat, pihak yang bertanggungjawab dalam usaha pemuliharaan, serta kesan pemuliharaan terhadap kelangsungan Jebak Puyuh sebagai warisan budaya. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pendokumentasian dan kelangsungan warisan Jebak Puyuh untuk rujukan masyarakat setempat, dan pihak berkepentingan pada masa akan datang.

Kata kunci: jebak puyuh, kearifan tempatan, pembuatan, pemuliharaan, pengekalan, warisan kebudayaan ketara

PRESERVING THE CRAFTSMANSHIP OF THE MALAY QUIL TRAP WITHIN THE COMMUNITY OF KAMPUNG BUNOHAN, KELANTAN

ABSTRACT

The Malay Quail Traps are a significant part of the tangible cultural heritage that holds symbolic value for the community of Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Quail traps are used to catch birds, and they have their own aesthetic value due to their design. However, the significance and historical value of Quail Traps are receiving diminishing attention, particularly among the younger generation. Scientific studies on the preservation and conservation of Quail Traps are also limited, as most local communities lack in-depth knowledge of the manufacturing process and the importance of these heritage. Therefore, this study was conducted to understand the symbolic meaning and value of Quail Traps as an embodiment of local wisdom. Three main objectives were established to achieve the study's purpose: identifying the symbolic meaning of the Quail Trap design, examining the manufacturing process, and analysing relevant preservation measures to ensure the continuity of Quail Trap heritage. This study employs a qualitative method by gathering data through interviews and observations. A total of six informants participated in this study, and all collected data was analysed using thematic analysis to identify the key patterns. Several prominent themes emerged from the analysis, including the history and symbolic significance of the Quail Trap's design, the materials used in production, the manufacturing techniques, factors contributing to the decline in interest in making Quail Traps, the transmission of knowledge within the community, the entities responsible for conservation efforts, and the impact of conservation on the survival of the Quail Trap as a cultural heritage. Thus, this study contributes to the documentation and preservation of the Quail Trap heritage for reference by the local community and stakeholders in the future.

Keywords: conservation, local wisdom, manufacturing, preservation, quail traps, tangible cultural heritage

ISI KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
JADUAL KANDUNGAN	v-vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
 BAB SATU: PENDAHULUAN	 1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	3
1.2 Persoalan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.5.1 Kepentingan Kajian Kepada Individu	6
1.5.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat	6
1.5.3 Kepentingan Kajian Kepada Institusi Pendidikan	6
1.6 Lokasi Kajian	7
1.7 Peta Kajian	8
1.8 Struktur Penyelidikan	9
 BAB DUA: KAJIAN LITERATUR	 10
2.0 Pengenalan	10
2.1 Definsi Kraf Tangan	10
2.2 Kraf Tangan Sebagai Warisan Tempatan	11

2.3 Warisan Ketara Dan Tidak Ketara	11
i) Warisan Ketara	12
ii) Warisan Tidak Ketara	12
2.4 Jebak Puyuh Kraf Tangan Warisan Kelantan	13
2.5 Bahan Dan Pembuatan Jebak Puyuh	14
2.6 Fungsi Jebak Puyuh	15
2.7 Kaedah Pemeliharaan Dan Pemuliharaan	16
2.8 Aplikasi Teori Interaksi Simbolik	17
2.9 Kesimpulan	18
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN	19
3.0 Pengenalan	19
3.1 Pendekatan Kajian	19
i) Pendekatan Kualitatif	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	20
3.3 Kaedah Kajian	21
3.3.1 Kaedah Temu Bual	21
3.3.2 Pemerhatian	22
3.4 Pensampelan Kajian	23
3.4.1 Teknik Pemilihan Informan	23
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.5.1. Data Primer	25
3.5.2. Data Sekunder	25
i) Kaedah Perpustakaan	
ii) Sumber Internet	
3.6 Analisis Data	26
3.6.1 Analisis Tematik	27
i) Membiasakan Diri Dengan Data	27
ii) Pengekoden	28
iii) Mencari Tema	28

iv) Menyemak Potensi Tema	28
v) Menentukan Dan Menamakan Tema	28
vi) Menghasilkan Laporan	28
3.7 Rumusan	29
BAB EMPAT: PENGENALAN	30
4.1 Sejarah Jebak Puyuh	30
4.1.1 Maksud Jebak	33
4.1.2 Ciri-Ciri Jebak Puyuh	35
4.1.3 Kegiatan Orang Zaman Dahulu	38
4.1.4 Keunikan Jebak Burung Puyuh	39
4.2 Bahan-Bahan Yang Digunakan	42
4.3 Proses Dan Cara	45
4.3.1 Cara Pembuatan	47
4.4 Faktor Pengurangan Minat Terhadap Jebak Puyuh	51
4.5 Cara Ilmu Diperturunkan	52
4.6 Pihak Yang Bertanggungjawab	54
4.7 Kesan Jebak Apabila Dipelihara	55
BAB LIMA: KESIMPULAN DAN CADANGAN	58
5.1 Rumusan Kajian	58
5.2 Dapatan Utama	59
5.3 Cadangan	62
RUJUKAN	63

SENARAI RAJAH**HALAMAN**

1.1 Lokasi Kampung	8
3.1 Proses Analisis Tematik	27
4.1 Temu Bual Pakar Jebak Puyuh	30
4.2: Cara Mengetam Kayu	43
4.3: Pokok Ribu-Ribu Yang Dijadikan Anyaman	44
4.4: Kayu Dilukis Sebelum Diukir Untuk Lebih Kemas	47
4.5: Alatan yang digunakan untuk mengukir	48
4.6: Bahagian Jebak Yang Telah Dihasilkan	49
4.7: Anyaman Bunga Api	50
4.8: Anyaman Cengkih	50

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Demografi Informan	24
Jadual 3.2: Proses Analisis Data Tematik	26

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Kraftangan tradisional merujuk kepada kemahiran kreatif seseorang dengan menggunakan tangan untuk mencipta satu produk yang mempunyai nilai estetika yang unik (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Warisan merujuk kepada segala aspek kebudayaan, sejarah, pengetahuan, dan kemahiran yang diwarisi dan dijaga oleh sesebuah masyarakat dari generasi ke generasi (Mohd Yusoff et al, 2015). Warisan meliputi nilai, tradisi, tarian, muzik, peralatan tradisional, cerita rakyat yang membentuk identiti unik sesebuah komuniti. Konsep warisan adalah penting kerana ia mencerminkan identiti dan sejarah suatu masyarakat.

Malaysia mempunyai kepelbagaian etnik dan bangsa yang menyumbang kepada kepelbagaian kraftangan warisan yang unik. Setiap kraftangan tersebut mempunyai ciri-ciri tersendiri dari segi cara pembuatan, penggunaan, dan nilai estetika. Perubahan masa dan pengaruh budaya luar telah menyebabkan kraftangan tradisional sering diabaikan oleh masyarakat. Selain itu masyarakat kini juga kurang kesedaran terhadap nilai warisan yang diperturunkan oleh nenek moyang. Masyarakat Melayu pada zaman terdahulu memiliki pelbagai seni kraf tangan tradisional seperti anyaman dan ukiran kayu yang perlu dipelihara dan dimartabatkan bagi memastikan warisan ini terus hidup dan dihargai (Desa & Bakhir, 2023).

Menurut Ghazali et al (2022), warisan budaya boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara merujuk kepada benda yang boleh dilihat dan disentuh, seperti bangunan kolonial, makam bersejarah, dan tapak warisan seperti Kota A'Famosa di Melaka. Antara contoh warisan ketara yang lain termasuk struktur fizikal seperti Istana Kellie di Perak dan Makam Hang Tuah di Melaka.

Warisan budaya tidak ketara merujuk kepada tradisi, pengetahuan, kemahiran dan objek yang dilihat oleh masyarakat dan individu sebagai sebahagian daripada identiti budaya mereka. Warisan ini diturunkan melalui generasi dan berkembang apabila komuniti berinteraksi dengan persekitaran, alam semula jadi dan sejarah mereka. Ia memupuk rasa

identiti dan memberi kesinambungan serta menggalakkan penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia. Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara memberi tumpuan kepada warisan budaya dan kreativiti manusia sejajar dengan perjanjian hak asasi manusia antarabangsa di mana komuniti digalakkan untuk menghormati budaya satu sama lain bagi menjamin pembangunan mampan terjamin (UNESCO, 2003). Warisan budaya tidak ketara pula ialah perkara yang tidak dapat dirasakan dan disentuh seperti kesenian tradisional, adat resam, tradisi lisan, dialek, dan kepercayaan. Antara contoh warisan tidak ketara adalah seperti Dondang Sayang dalam masyarakat Baba dan Nyonya, Dikir Puteri dalam masyarakat Pantai Timur, dan Silat Gayong dalam masyarakat Melayu (Ghazali et al, 2022).

Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), warisan budaya tidak ketara didefinisikan sebagai:

Mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia...

Manakala di bawah Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara di bawah UNESCO (2003), warisan kebudayaan tidak ketara bermaksud,

the practices, representations, expressions, knowledge, skills – as well as the instruments, objects, artefacts and cultural spaces associated therewith – that communities, groups and, in some cases, individuals recognise as part of their cultural heritage.

Berdasarkan pernyataan di atas, kemahiran pembuatan kraf merupakan salah satu warisan tidak ketara yang penting dalam sesebuah masyarakat termasuklah dalam pembuatan jebak puyuh. Jebak puyuh haruslah dipelihara dan dikekalkan agar warisan budaya dapat ditonjolkan dari segi kekayaan sejarah, identiti, dan kebudayaan suatu masyarakat. Jebak Puyuh merupakan satu bentuk seni tradisional yang khususnya popular di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan (Ahmad, 2016).

Kepentingan pelestarian warisan budaya menjadi semakin penting dalam era globalisasi dan kemodenan yang melanda dunia saat ini. Tanpa usaha yang berterusan dalam memelihara dan menghargai warisan budaya, risiko kehilangan pengetahuan dan kemahiran tradisional adalah tinggi. Oleh itu, kajian mengenai 'Pelestarian Warisan Budaya: Pengetahuan dan Pengekalan Pembuatan Jebak Puyuh dalam Kalangan Masyarakat' bertujuan untuk menyoroti keunikan, makna, serta teknik pembuatan Jebak Puyuh sebagai salah satu aspek penting dalam warisan budaya masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.

1.1 Permasalahan Kajian

Kemerosotan dalam industri pembuatan kraf oleh sebilangan usahawan serta pekerja mahir pada masa kini semakin berkurangan (Mohamad et al, 2023). Masyarakat kini tidak mempunyai minat untuk melibatkan diri dalam bidang kraftangan kerana bagi mereka bidang ini adalah bidang membosankan dan tidak membawa keuntungan. Oleh itu, kurangnya minat dalam kalangan masyarakat Kelantan untuk mempelajari dan menghasilkan kraf Jebak Puyuh telah menyebabkan kraf ini semakin terancam dan hampir pupus. Situasi ini boleh menjejaskan keberlangsungan serta usaha pelestarian seni kraf Jebak Puyuh (Mohd Bahrudin et al, 2022).

Pasaran kraftangan tempatan juga kurang mendapat sambutan kerana kebanyakan kraftangan yang dijual mempunyai harga yang tinggi. Hal ini kerana kraftangan yang telah disiapkan mengambil masa yang lama dan memerlukan kepakaran dalam menghasilkan kraftangan yang berkualiti (Mohamad et al, 2023).

Selain itu, bukan semua golongan masyarakat mampu membeli kraftangan mampu milik terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru itu, kebanyakan produk tempatan tidak laku di pasaran.

Seterusnya, kebanyakan warisan budaya tidak lagi diwarisi oleh generasi muda dan pengamal seni kraftangan juga semakin berusia. Justeru, kerana mereka juga tidak mampu mempertahankan warisan tersebut. Pendokumentasian kraf Jebak Puyuh diperlukan untuk memelihara dan menyimpan warisan ini sebagai rujukan masa hadapan. Oleh itu, peningkatan kesedaran dan apresiasi masyarakat serta pihak berkepentingan dalam memelihara Jebak Puyuh adalah diperlukan agar warisan tersebut dapat dijaga dengan baik (Mohd Bahrudin et al, 2022). Hal ini sejajar dengan peranan Perbadanan Kemajuan Kraftangan (Kraftangan) yang termaktub di bawah Seksyen 7, Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia tahun 1979 di mana Kraftangan perlu memajukan, menggiat, dan

memulihkan kemahiran ketukangan tradisional. Walaupun kraftangan tempatan tidak lagi relevan dan tidak menepati kehendak kehidupan masyarakat pada kini. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kurangnya kesedaran dan minat masyarakat terhadap pemeliharaan warisan kraf tradisional seperti Jebak Puyuh seperti perubahan gaya hidup masyarakat yang cenderung memilih produk-produk komersial yang dibuat secara besar-besaran dan mudah didapati, berbanding dengan produk kraf tradisional yang memerlukan usaha dan kesabaran dalam pembuatannya (Zainun, 2015).

Kekurangan kajian mengenai Jebak Puyuh mengakibatkan pemahaman yang terhad tentang nilai, cara penggunaan, dan proses pembuatan kraf tersebut. Tanpa kajian yang mencukupi, nilai sejarah, budaya, seni, dan keunikan kraf sering terlepas pandang. Kajian terperinci diperlukan untuk mengungkapkan nilai-nilai ini agar masyarakat lebih menghargainya. Oleh itu, penyelidikan lanjutan yang komprehensif sangat diperlukan untuk meningkatkan pemahaman, pemeliharaan, dan penghargaan terhadap Kraf Jebak Puyuh sebagai warisan budaya yang berharga. Kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam kepentingan jebak puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.

Kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam kepentingan jebak puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan (Mohd Sidi et al, 2021).

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu:

- i. Apakah makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.
- ii. Bagaimanakah cara pembuatan Jebak Puyuh di Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.
- iii. Bagaimanakah langkah pelestarian Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.
- ii. Mengkaji cara pembuatan Jebak Puyuh di Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan
- iii. Menganalisis langkah pelestarian Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini kepada kepentingan Jebak Puyuh sebagai salah satu warisan budaya di Malaysia, khususnya di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Selain itu, kajian ini juga berfokus kepada proses pelestarian dan pengkalan pembuatan Jebak Puyuh di kalangan masyarakat setempat. Lokasi kajian ini dipilih kerana Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan adalah salah satu kawasan di mana seni pembuatan Jebak Puyuh masih diamalkan dan dipertahankan.

Kajian ini menggunakan pendekatan Kualitatif agar dapat data kajian yang lebih jelas. Pendekatan kualitatif adalah dengan melakukan aktiviti pemerhatian dan temu bual. Maklumat yang telah diperolehi dari kajian adalah dengan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kajian ini telah menemubual 6 orang informan. Kajian mengaplikasikan analisis tematik untuk menganalisis data dari temu bual. Kajian ini menggunakan teori simbolik juga digunakan untuk mengenal pasti makna simbolik Jebak puyuh secara terperinci.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini meliputi beberapa aspek yang membawa manfaat kepada berbagai pihak termasuk individu, masyarakat, dan institusi pendidikan. Kajian mengenai Jebak Puyuh sebagai warisan budaya masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan, memainkan peranan penting dalam mempromosikan, memahami, dan melestarikan warisan budaya yang kaya dan unik.

1.5.1 Kepentingan Individu

Kepentingan kajian ini kepada individu adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap warisan budaya tempatan. Melalui kajian ini, individu dapat memahami makna simbolik, teknik pembuatan, dan keunikan Jebak Puyuh. Kajian ini dapat membantu meningkatkan penghargaan terhadap seni dan kebudayaan tradisional, serta memupuk rasa bangga terhadap identiti budaya individu. Selain itu, kajian ini juga memberikan peluang kepada individu untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran dalam pembuatan Jebak puyuh, selain menjadi sumber pendapatan tambahan atau hobi yang bermakna.

1.5.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dalam usaha pelestarian dan pengembangan warisan budaya Jebak Puyuh. Dengan memahami dan menghargai Jebak Puyuh, masyarakat dapat melibatkan diri secara aktif dalam usaha pelestarian, seperti mengadakan bengkel, kursus, atau pameran yang berkaitan dengan Jebak Puyuh. Aktiviti akan membantu dalam menjaga keaslian, keunikan, dan kelestarian Jebak Puyuh sebagai warisan budaya yang berharga. Selain itu, pelestarian warisan budaya juga dapat memperkukuhkan identiti dan keharmonian sosial dalam masyarakat dan mengingatkan mereka akan nilai-nilai tradisi dan pentingnya menjaga warisan untuk generasi akan datang.

1.5.3 Institusi Pendidikan

Kepentingan kajian ini kepada institusi pendidikan adalah untuk memperkaya kurikulum pendidikan seni dan budaya. Institusi pendidikan dapat mengintegrasikan maklumat dan pengetahuan mengenai Jebak puyuh ke dalam mata pelajaran seni, sejarah, atau budaya tempatan. Aktiviti akan memberikan peluang kepada pelajar untuk memahami dan menghargai warisan budaya tempatan, serta memotivasi mereka untuk mengkaji, menghormati, dan melestarikan warisan budaya lainnya. Di samping itu, institusi pendidikan boleh bekerjasama dengan komuniti setempat untuk melaksanakan program pelestarian dan pendidikan yang


bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran, tetapi juga mengukuhkan hubungan antara institusi pendidikan dan masyarakat.

1.6 Lokasi Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada penerimaan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan tentang kepentingan pelestarian warisan budaya: pengetahuan dan pengekaln pembuatan Jebak Puyuh. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti melihat sama ada masyarakat di Tumpat, Kelantan ini sedar atau tidak akan kewujudan pengetahuan dan pengekaln pembuatan Jebak Puyuh sebagai warisan budaya. Kajian ini terdapat tiga (3) objektif iaitu mengenal pasti makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan, mengkaji cara pembuatan Jebak Puyuh di Tumpat, Kelantan, dan juga menganalisis langkah-langkah pelestarian Jebak Puyuh di kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan.

Berdasarkan tajuk kajian, kajian ini akan dijalankan pada masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Pada bahagian skop dan batasan kajian ini akan menceritakan serba sedikit tentang Tumpat, Kelantan. Kelantan ialah sebuah negeri yang terletak di timur laut Semenanjung Malaysia dan menghadap Laut China Selatan. Negeri Kelantan ini mempunyai keluasan sebesar 15,104.62 km persegi. Kelantan bersempadan dengan Thailand, negara jiran di utara. Negeri ini mempunyai 10 jajahan, termasuk Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai, Machang, Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, dan Gua Musang. Jajahan Tumpat merupakan salah satu daerah yang terdapat di dalam negeri Kelantan. Jajahan Tumpat merupakan sebuah pekan kecil yang berjarak 20 KM dari Kota Bharu, Kelantan. Menurut Pejabat tanah dan Jajahan Tumpat, jajahan Tumpat mempunyai keluasan sebanyak 394.41 Km persegi. Jajahan Tumpat juga mempunyai 4 daerah dan 27 Mukim dan mempunyai penduduk sebanyak 179,943 orang. Lokasi kajian di Tumpat, Kelantan telah menjadi tempat pilihan untuk melakukan kajian. Hal ini kerana, daerah Tumpat merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri Kelantan. Daerah ini juga merupakan sebuah daerah yang sedang membangun daripada pelbagai aspek. Dengan perubahan kehidupan masyarakat di daerah Tumpat ini, kajian ini ingin melihat sama ada masyarakat cakna atau tidak tentang warisan negeri mereka. Pemilihan kawasan ini untuk melihat bagaimana penerimaan masyarakat Kampung Bunohan tentang Jebak Puyuh sebagai warisan budaya.

1.7 Peta Kajian



Rajah 1.1: Lokasi Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan

Sumber: Google Maps

Rajah 1.1 menunjukkan peta kajian Kampung Bunohan yang terletak di daerah Tumpat, Kelantan. Kampung bunohan ini merupakan lokasi yang terkenal dengan jebak puyuh.

1.8 Struktur Penyelidikan

Kajian ini terdiri daripada lima bab utama. Bab pertama membincangkan pengenalan kepada kajian, termasuk latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, skop,

kepentingan kajian, lokasi kajian, serta kesimpulan yang merangkumi hala tuju kajian ini. Bab kedua memberi fokus kepada kajian literatur yang merangkumi definisi kraf tangan, konsep warisan budaya ketara dan tidak ketara, sejarah dan fungsi Jebak Puyuh, bahan dan teknik pembuatannya, serta kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan seni kraf ini. Bab ini juga mengaplikasikan teori interaksi simbolik sebagai kerangka konseptual kajian untuk memahami makna simbolik yang terkandung dalam reka bentuk Jebak Puyuh.

Bab ketiga menerangkan pendekatan kajian yang menggunakan metodologi kualitatif dengan kaedah seperti temu bual dan pemerhatian secara langsung. Bab ini turut memperincikan reka bentuk kajian, kaedah persampelan, pengumpulan data primer dan sekunder, serta teknik analisis data tematik yang digunakan untuk mengkategorikan dan menganalisis tema utama dalam dapatan kajian.

Bab keempat membentangkan dapatan kajian berdasarkan data yang dikumpulkan daripada informan melalui temu bual dan pemerhatian. Beberapa subtopik diketengahkan untuk memastikan setiap objektif kajian tercapai dengan tepat. Dapatan kajian bukan sahaja menyoroti makna simbolik Jebak Puyuh tetapi juga peranan sosial dan ekonomi yang dimainkan oleh seni kraf ini dalam kalangan masyarakat setempat.

Bab kelima pula merumuskan dapatan utama kajian, termasuk makna simbolik dan proses pelestarian Jebak Puyuh sebagai warisan budaya Kelantan. Cadangan juga dikemukakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak berkepentingan mengenai kepentingan mengekalkan seni kraf ini. Selain itu, bab ini menggariskan langkah-langkah strategik untuk memastikan kemahiran pembuatan Jebak Puyuh terus diwariskan kepada generasi muda, sekaligus memastikan kesinambungan budaya tradisional ini di masa hadapan.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai definisi kraftangan yang ditakrifkan melalui kajian lepas. Bab ini juga turut menjelaskan mengenai kraftangan sebagai warisan tempatan. Selain itu, juga bab ini membincangkan maksud warisan ketara dan tidak ketara. Seterusnya Jebak puyuh yang dikategorikan sebagai kraf tangan warisan Kelantan turut diterangkan terutamanya dari segi dan bahan yang digunakan dalam pembuatan jebak puyuh. Bab ini juga menerangkan fungsi-fungsi jebak puyuh dan akhir sekali mengulas jebak cara dan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan jebak puyuh. Kajian ini turut menggunakan teori simbolik interaksionisme dalam memahami makna simbolik pembuatan jebak puyuh.

2.1 Definisi Kraf Tangan

Kraf tangan ditakrifkan sebagai “perusahaan (kerja, seni) yang memerlukan kreativiti dan kemahiran menggunakan tangan” (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Definisi kraftangan merujuk kepada industri atau seni membuat produk secara tradisional atau manual dengan menggunakan kemahiran tangan yang khusus. Kraftangan sering kali melibatkan penggunaan bahan-bahan semulajadi atau bahan-bahan yang diperoleh daripada alam untuk menghasilkan produk yang unik dan mempunyai nilai seni yang tinggi. Produk kraftangan boleh merangkumi pelbagai jenis seperti tekstil, kayu, logam, seramik, kaca, manik, dan sebagainya. Industri kraftangan memainkan peranan penting sebagai sebahagian budaya dan warisan daripada sesebuah masyarakat serta memberi peluang kepada individu untuk mengekspresikan kreativiti dan bakat mereka melalui hasil kerja tangan yang unik dan kreatif (Rizali, 2020). Menurut Hussin et al (2009), kraf tangan ialah produk seni yang dihasilkan oleh manusia dan dicipta dengan keseronokan dan imaginasi artistik. Kraftangan tradisional memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya dan mempromosikan ekonomi tempatan (Ariffin et al, 2024) Penyelidikan ini menekankan kepentingan pasaran tempatan dalam mempamerkan dan menjual produk buatan tangan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi artis dan wilayah. Selain itu, strategi pelancongan yang kreatif dapat menonjolkan kraftangan warisan yang dihasilkan itu dapat menjana ekonomi negara serba sedikit (Sabri, 2019).

2.2 Kraf Tangan Sebagai Warisan Tempatan

Kraf tangan merupakan aspek penting dalam warisan tempatan kerana ia mencerminkan identiti budaya dan tradisi masyarakat. Pemeliharaan kraf tangan memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan mempromosikan kemahiran tradisional yang diwarisi secara turun-temurun. Kajian mengenai asal usul dan perkembangan industri kraftangan Melayu dapat memberikan pandangan berharga tentang kepentingan sejarah serta evolusi kraf ini dalam konteks tempatan. Aspek estetik dan nilai simbolik yang tertanam dalam kraftangan tradisional, seperti motif dan reka bentuk, turut menawarkan penghargaan yang lebih mendalam terhadap warisan budaya yang diwakilinya. Dokumentasi sejarah dan teknik yang digunakan dalam penghasilan kraftangan tertentu, seperti sulaman kelilingan Selangor, dapat menyumbang kepada pengiktirafan dan penghargaan kraf ini di peringkat tempatan dan antarabangsa (Ariffin et al, 2014).

Di Malaysia, terdapat pelbagai etnik dan bangsa yang menghasilkan kraf warisan unik mengikut identiti mereka. Setiap jenis kraf mempunyai ciri-ciri istimewa dalam cara pembuatan, penggunaan, dan nilai estetika yang berbeza. Walau bagaimanapun, dalam era moden ini, kraftangan tradisional sering diabaikan dan dilupakan oleh masyarakat. Fenomena ini berlaku akibat pengaruh budaya luar yang masuk ke dalam negara serta kurangnya kesedaran terhadap pentingnya memelihara dan memartabatkan kraf warisan nenek moyang. Dalam masyarakat Melayu terdapat pelbagai seni kraf tangan tradisional seperti anyaman dan ukiran kayu yang kaya dengan keunikan dan keindahan tersendiri (Rahman & Majid, 2021).

2.3 Warisan Ketara Dan Tidak Ketara

Warisan budaya mencerminkan identiti dan sejarah sesebuah masyarakat. Ia terbahagi kepada warisan ketara dan warisan tidak ketara. Kedua-duanya penting dalam membentuk jati diri bangsa serta mewariskan tradisi kepada generasi seterusnya. Warisan ketara merujuk kepada aset budaya fizikal seperti bangunan bersejarah, artifak, manuskrip lama, dan tapak warisan. Ia mempunyai nilai sejarah dan ekonomi tinggi serta menjadi tarikan pelancongan (Yusoff, 2011).

i) **Warisan Ketara**

Warisan ketara merujuk kepada elemen warisan yang boleh dilihat dan disentuh secara fizikal, seperti bangunan kolonial, rumah kedai, makam sejarah, dan monumen. Contohnya termasuk Kota A’Famosa (Melaka), Kellie’s Castle (Perak), dan Makam Hang Tuah (Melaka). Elemen-elemen ini sering menjadi simbol identiti sesebuah kawasan dan menyimpan nilai sejarah serta seni bina (Ghazali et al,2022). Dalam pemikiran orang yang lebih tua, warisan ketara berperanan penting dalam membentuk cara mereka diingat serta warisan yang ditinggalkan. Ia melibatkan penciptaan warisan material sepanjang hayat, sama ada sebagai penderma atau pewaris, yang menghubungkan masa lalu, masa kini, dan masa depan generasi (Mohamad Nasruddin (2020).

ii) **Warisan Tidak Ketara**

Warisan tidak ketara merangkumi elemen budaya yang tidak boleh disentuh tetapi diwarisi melalui amalan, tradisi, dan kepercayaan. Contohnya termasuk seni seperti Dondang Sayang, adat resam, ilmu lisan, loghat, dan ritual budaya. Warisan ini mencerminkan cara hidup dan identiti masyarakat, seperti Dikir Puteri di Pantai Timur dan Silat Gayong dalam kalangan masyarakat Melayu. Warisan tidak ketara berperanan memelihara tradisi, adat resam, dan ilmu lisan yang mencerminkan identiti budaya masyarakat. Ia menguatkan hubungan sosial melalui seni, kepercayaan, dan ritual budaya, serta menarik pelancongan budaya. Warisan ini memastikan kesinambungan nilai tradisional sambil kekal relevan dalam kehidupan moden (Ghazali et al,2022).

2.4 Jebak Puyuh Kraf Tangan Warisan Kelantan

Di Malaysia antara pembuatan kraf tangan yang terkenal adalah Jebak puyuh. Jebak Puyuh atau *Malay Princely Quail Trap* merupakan kraf tangan tempatan yang diusahakan di Kampung Bunohan Tumpat, Kelantan. Menurut Mohd Sidi et al (2021), kewujudan jebak Puyuh di Kelantan adalah tidak jelas tetapi ada pendapat yang menyatakan jebak puyuh dicipta pada awal abad kedua puluh. Pada masa kini, hanya beberapa orang yang pakar membuat Jebak Puyuh yang masih hidup dan selebihnya telah meninggal dunia. Antara pakar pembuatan jebak puyuh adalah Che Mud Che Awang dan Allahyarham Nik Rashidin Nik Hussein.

Jebak puyuh juga merupakan salah satu khazanah warisan negara yang dimiliki oleh individu atau kumpulan manusia dan bertanggungjawab menjaga dan memeliharanya (Shaharuddin, 2022). Menjerat burung puyuh adalah hobi yang popular di kalangan sesetengah individu. Masyarakat terdahulu menjadikan aktiviti menangkap burung untuk mereka mengisi masa lapang (Mansor & Rahman, 2013) masyarakat terdahulu menggunakan pelbagai kaedah dalam menangkap burung untuk dijadikan makanan (Friedman et al, 2008). Masyarakat terdahulu menangkap burung adalah salah satu aktiviti hobi kerana mereka lapar atau sukar untuk mencari makan. Dengan itu menjadikan aktiviti ini sebagai hobi mereka kerana bagi mereka aktiviti juga sumber untuk mereka makan. Oleh itu, masyarakat terdahulu menjadikan aktiviti menangkap burung ini sebagai salah satu hobi mengisi masa lapang mereka.

Jebak puyuh merupakan alat perangkap yang digunakan untuk merangkap burung puyuh sebagai sumber makanan. Jebak puyuh berbentuk separuh bulat dan diperbuat daripada bilah buluh atau rotan di bahagian rangka luarnya. Terdapat anyaman ribu-ribu yang menghiasi rangka luar jebak puyuh. Kebanyakan, motif yang digunakan adalah awan larat, bunga kunyit, atau bunga mawar (Shaharudin et al, 2022). Pembuatan Jebak Puyuh telah berkembang mengikut peredaran zaman terutamanya dari reka bentuk tradisional kepada moden (Shaharudin et al, 2022). Pembuatan jebak puyuh juga berfungsi sebagai sumber ekonomi bagi meneruskan kelangsungan hidup masyarakat Melayu. Jebak Puyuh pada masa kini telah menjadi sebagai salah satu penyebaran budaya dan mewujudkan jaringan sosial antara pembuat kraf dan pelanggan.

2.5 Bahan Dan Pembuatan Jebak Puyuh

Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat Jebak Puyuh mudah ditemui di kampung-kampung. Contohnya, tapak jebak dan ukiran di bahagian hadapan menggunakan kayu nangka, sentul, dan jelutong bagi membentuk kerangka luar bilah buluh atau rotan digunakan. Seterusnya, serungkupnya dibuat daripada anyaman akar atau batang pokok ribu-ribu, yang mudah ditemui di kawasan belukar. Sebelum dianyam, akar ribu-ribu dibelah dua dan dikeringkan terlebih dahulu, kemudian disidai di tempat redup dalam beberapa hari untuk mengelakkan ia menjadi rapuh atau mudah patah. Anyaman ribu-ribu serupa dengan teknik menganyam tikar atau buluh mengkuang, tetapi perlu dikuatkan dengan anyaman buluh atau rotan (Bahrudin et al, 2022).

Terdapat dua bahagian dalam reka bentuk Jebak puyuh iaitu badan perangkap dan pintu perangkap. Badan perangkap Jebak puyuh diperbuat daripada rotan dan bilah buluh serta dihiasi dengan motif anyaman daripada daun ribu-ribu. Motif yang digunakan perlulah berasaskan warna alam semula jadi agar dapat memberi penyamaran yang baik (Nasir & Muhamad, 2018). Warna yang digunakan perlulah menyamai warna semula jadi burung puyuh. Menurut Mohd Sidi et al., (2021), perangkap puyuh tradisional di Kelantan mempamerkan pelbagai rona dan warna yang digunakan dalam proses pembuatan dan menyumbang kepada daya tarikan visual produk akhir. Teknik mengait juga menggabungkan pelbagai warna, dengan beberapa perangkap menampilkan corak bertenaga dan tona warna lain yang lebih lembut, mencipta pelbagai gaya visual. Gabungan ukiran kayu dan tenunan menghasilkan gabungan warna dan tekstur yang harmoni bagi meningkatkan keindahan keseluruhan reka bentuk perangkap puyuh dan menjadikannya lebih berbanding kraf tangan yang lain. Bahan yang digunakan untuk perangkap puyuh dipilih dengan teliti untuk memastikan keaslian kraf tersebut. Perhatian khusus diberikan untuk mengekalkan warna dan corak tradisional yang mentakrifkan kraf perangkap puyuh Kelantan.

Yusop & Ramli (2021) menyatakan bahawa manusia mencipta dan mengolah corak dan motif kraf tangan yang dihasilkan hasil daripada alam semula jadi yang mempunyai makna dan lambang budaya masyarakat setempat. Hal ini termasuklah adat resam, pantang larang dan nilai budaya dalam masyarakat. Pada mulanya, jebak puyuh dihasilkan tanpa ukiran kayu atau motif pada badannya. Teknik pembuatan yang digunakan juga hanyalah mengikat dan mencalit tar pada perangkap. Namun, setelah reka bentuk jebak puyuh diperbaharui dengan motif hiasan, reka bentuknya semakin kompleks dan lebih estetik. Justeru itu, jebak puyuh turut dijadikan sebagai alat hiasan yang dipamerkan di rumah.

2.6 Fungsi Jebak Puyuh

Perangkap puyuh seperti 'Jebak Puyuh' digunakan untuk memburu burung puyuh sebagai sumber makanan, seperti yang dinyatakan oleh Mohd Sidi et al (2021). Fungsi perangkap burung puyuh mengalami perubahan mengikut peredaran zaman. Ia tidak lagi sekadar digunakan untuk memburu makanan. Sebaliknya, ia beralih kepada untuk dijadikan hiasan atau cenderamata.

Transformasi perangkap puyuh daripada alat untuk mendapatkan makanan kepada instrumen untuk menangkap puyuh untuk aktiviti kebudayaan mencerminkan perubahan dalam keperluan dan perspektif masyarakat. Perubahan ini menandakan peralihan yang lebih luas ke arah menghargai kraf tradisional seperti 'Jebak Puyuh' kerana kepentingannya dalam warisan budaya dan ekspresi seni. Memelihara pengetahuan dan kemahiran berkaitan pembuatan dan penggunaan perangkap puyuh menjadi penting untuk memastikan penerusan warisan ini dan kaitannya dalam persekitaran kontemporari. Peralihan dalam fungsi perangkap puyuh menekankan kepentingan memahami dan menghayati konteks sejarah dan peranan kraf tradisional yang berkembang dalam masyarakat. Secara keseluruhan, evolusi fungsi perangkap puyuh memperlihatkan sifat dinamik artifak budaya seperti 'Jebak Puyuh' dan keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan dan nilai masyarakat dari masa ke masa.

Jebak Puyuh, pada asalnya direka sebagai alat untuk memburu burung puyuh, tetapi ia juga boleh digunakan untuk menakung air jika perungkup badan jebak puyuh disaluti tar. Tujuan utamanya bukan untuk menghalang air daripada meresap, tetapi untuk meningkatkan ketahanan dan keberkesanan perangkap dalam menangkap burung puyuh. Penggunaan tar ini bertujuan melindungi bahan jebak daripada unsur persekitaran, memastikan ia kukuh dan berfungsi dengan baik.

Menurut Shaharudin et al (2022), walaupun terdapat penyesuaian tertentu berdasarkan keperluan persekitaran, fungsi utama jebak puyuh kekal sebagai alat untuk memerangkap burung puyuh. Selain menjadi alat memburu, jebak puyuh juga mencerminkan warisan budaya dan hasil seni yang unik, terutamanya dalam konteks kraftangan artis Kelantan.

Jebak puyuh turut membawa makna simbolik, mewakili identiti budaya dan tradisi wilayah Kelantan. Penerimaannya sebagai barangan hiasan menunjukkan kepelbagaian

kegunaannya, di mana ia mengatasi fungsi asalnya sebagai alat memburu, sekaligus menjadi simbol kebanggaan budaya dan ekspresi seni.

2.7 Kaedah Pemeliharaan Dan Pemuliharaan

Pemeliharaan membawa maksud menjaga, membela dan merawat. Manakala pemuliharaan membawa maksud menjaga dan memulihkan sesuatu tempat atau benda (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Pemeliharaan dan penyelenggaraan kraftangan memainkan peranan penting dalam menjaga warisan negara dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Inisiatif seperti undang-undang Produk Warisan Kebangsaan di Lithuania dan model Monumentenwacht Belanda di Eropah menekankan kepentingan penglibatan tukang dan masyarakat tempatan dalam proses pemeliharaan (Suhaimi et al., 2023). Usaha ini bukan sahaja membantu mengekalkan kemahiran dan pengetahuan tradisional tetapi juga menyumbang kepada kelestarian identiti budaya dan produk warisan serta menyediakan peluang pekerjaan alternatif. Dengan memupuk dan melindungi kraftangan, negara boleh memastikan kesinambungan warisan budaya mereka yang unik, merangsang pelancongan sejarah-budaya, dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam memelihara warisan tidak ketara.

Kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian warisan budaya, khususnya dalam industri kraf tradisional seperti kraf tembaga di Terengganu. Pemeliharaan merujuk kepada usaha mengekalkan keaslian sesuatu warisan dalam keadaan asalnya, termasuk pendokumentasian proses pembuatan, penggunaan bahan mentah tradisional, dan latihan kepada generasi muda untuk mengekalkan teknik asal. Pemuliharaan pula melibatkan usaha memperbaiki kerosakan menggunakan kaedah tradisional atau teknologi moden bagi mengekalkan nilai sejarah, fungsi, dan estetikanya. Antaranya termasuk pemuliharaan struktur kraf, inovasi berasaskan tradisi, penggunaan teknologi seperti pemindaian 3D, dan kerjasama dengan agensi seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Langkah-langkah ini diperkuatkan dengan pendidikan kesedaran, perluasan pasaran melalui sektor pelancongan, serta pemberian subsidi untuk bahan mentah dan teknologi bagi meningkatkan pengeluaran. Melalui pendekatan ini, kelestarian kraf tembaga dapat dipelihara sebagai khazanah budaya yang bernilai tinggi untuk generasi akan datang (Mohamad et al., 2023).

2.8 Aplikasi Teori Interaksi Simbolik

Teori interaksi simbolik diperkenalkan oleh tokoh-tokoh sosiologi seperti George Herbert Mead, Charles Horton Cooley, W. I. Thomas dan dikembangkan oleh Herbert Blumer serta Erving Goffman. Teori ini menjelaskan bahawa simbol-simbol lisan membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain dan berkongsi pengetahuan, kemahiran, serta idea. Oleh itu, setiap elemen dalam kehidupan manusia memiliki makna simbolik tersendiri yang tidak wujud secara automatik. Teori interaksi simbolik, juga dikenali sebagai interaksionisme simbolik, adalah perspektif sosiologi yang memberi tumpuan kepada cara individu mencipta dan mentafsir simbol untuk berkomunikasi dengan orang lain dan membina realiti sosial mereka (Siregar et al, 2023). Menurut teori ini, individu memberikan makna kepada simbol berdasarkan interaksi mereka dengan orang lain, dan makna ini membentuk tingkah laku dan persepsi mereka. Teori ini menekankan kepentingan simbol, seperti bahasa, gerak isyarat, dan objek, dalam proses interaksi sosial. Ia mencadangkan bahawa individu mencipta dan mentafsir simbol berdasarkan interaksi mereka dengan orang lain, dan simbol ini memainkan peranan penting dalam pembinaan realiti sosial (Damayanti & Ahmadi, ,2022). Secara keseluruhannya, teori interaksi simbolik menonjolkan sifat dinamik dan tafsiran komunikasi manusia dan interaksi sosial, menekankan peranan simbol dalam membentuk pengalaman individu dan proses masyarakat.

Teori interaksi simbolik membantu dalam memahami bagaimana individu membina makna dan mentafsirkan simbol dalam interaksi mereka dengan orang lain. Ia menekankan peranan simbol dalam membentuk realiti sosial dan bagaimana individu berkomunikasi untuk mencapai persefahaman bersama mengenai makna simbol tersebut. Melalui simbol, manusia dapat berkongsi idea, nilai, dan kepercayaan yang menjadi asas kepada pembinaan sosial (Siregar, 2023). Teori ini memberikan penerangan mengenai bagaimana individu membentuk rasa diri dan identiti mereka melalui interaksi sosial. Ia menekankan peranan simbol dan bahasa dalam membentuk konsep diri seseorang. Identiti individu tidak hanya terbentuk melalui pengalaman peribadi, tetapi juga melalui interaksi dengan orang lain di mana maklum balas dan tafsiran orang lain membantu membentuk dan mentakrifkan semula identiti seseorang. Proses ini adalah dinamik dan berterusan sepanjang hayat seseorang (Zanki, 2020). Teori interaksionisme simbolik dalam dokumen ini berfungsi untuk menjelaskan bagaimana individu membentuk konsep diri melalui interaksi sosial. Teori ini memberikan kerangka kerja untuk memahami proses di mana individu tidak hanya membentuk dan dibentuk oleh masyarakat melalui interaksi, tetapi juga bagaimana interaksi tersebut mempengaruhi perilaku dan nilai-

nilai yang diyakini oleh individu. Dengan demikian teori ini membantu dalam memahami bagaimana konsep diri individu berkembang dan bagaimana hal itu dapat mempengaruhi keberhasilan dan dinamika dalam sebuah organisasi.

2.9 Kesimpulan

Kesimpulan untuk bab ini yang menghuraikan sejarah, perkembangan, jenis, fungsi, kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan, serta aplikasi teori interaksi simbolik interaksionisme adalah seperti berikut. Bab dua ini telah memberikan pendedahan yang mendalam mengenai sejarah dan perkembangan kraf tangan, khususnya dalam konteks pembuatan jebak puyuh dalam kalangan masyarakat. Kraf tangan ini telah melalui evolusi yang panjang, dari sekadar alat untuk memburu kepada objek seni yang kompleks dan dihargai. Pengenalan terhadap pelbagai jenis jebak puyuh menunjukkan kekayaan kreativiti dan teknik yang digunakan oleh masyarakat setempat.

Dari sudut fungsi, jebak puyuh kini tidak hanya dilihat sebagai alat berburu tetapi juga sebagai simbol seni dan budaya, yang menarik minat kolektor dan penggemar seni. Perubahan fungsi ini telah mencerminkan interaksi simbolik yang berlaku dalam masyarakat, di mana makna dan nilai sesuatu objek berubah berdasarkan konteks dan persepsi individu. Selain itu, bab ini juga menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kraf tangan. Usaha untuk menyampaikan kemahiran tradisional kepada generasi muda menjadi kunci dalam memastikan warisan ini tidak hilang ditelan zaman. Melalui aplikasi Teori Interaksi Simbolik, pendekatan ini memperlihatkan bagaimana interaksi dan komunikasi sosial memainkan peranan penting dalam memelihara dan mewarisi budaya kraf tangan ini. Kesimpulannya, Bab Dua telah menggambarkan bagaimana sejarah, perkembangan, dan jenis jebak puyuh mencerminkan kekayaan budaya kita. Ia juga menekankan kepentingan interaksi sosial dan komunikasi dalam usaha memelihara warisan ini. Melalui pemahaman dan penghargaan terhadap kraf tangan tradisional seperti jebak puyuh, kita dapat memastikan warisan budaya kita terus relevan dan berkembang dalam era moden yang penuh cabaran.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga mengenai tentang kaedah yang digunakan dalam melakukan kajian ini iaitu pendekatan kualitatif (*Qualitative*). Selain itu, bab ini membincangkan teknik pengumpulan data yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Teknik ini melibatkan pengumpulan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah pengumpulan data primer termasuk pemerhatian, temu bual, dan tinjauan, yang berfungsi sebagai sumber data utama. Data sekunder pula dikumpulkan daripada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain pula dan diterbitkan di dalam buku, jurnal atau bahan bacaan ilmiah sebagai data tambahan. Selain itu, bab tiga memperincikan kaedah analisis data, termasuk analisis tematik untuk data kualitatif. Kaedah ini berkaitan dengan strategi yang digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul sepanjang kajian.

3.1 Pendekatan Kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini untuk mencapai matlamat atau objektif kajian adalah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat.

i) Pendekatan Kualitatif

Penyelidikan kualitatif adalah mengkaji sesuatu secara mendalam. Kajian kualitatif melihat pengalaman, perasaan, tingkah laku dan makna tanpa menggunakan nombor atau statistik. Ia bertujuan untuk mencari corak universal dan membuat generalisasi berdasarkan data penyelidikan kualitatif yang melibatkan pentafsiran dan pemahaman makna subjektif. Kaedah kajian kualitatif perlu mengumpul data bukan piawai seperti teks dan imej (Nurkholis et al, 2020).

Penyelidikan kualitatif adalah satu pendekatan yang bertujuan untuk memberikan pandangan dan pemahaman yang mendalam mengenai sesuatu isu. Ia merupakan

kaedah penyelidikan yang tidak berstruktur dan bersifat penerokaan dan digunakan untuk mengkaji perkara yang sangat kompleks dan sukar dijelaskan dengan penyelidikan kuantitatif.

Kaedah ini sering menghasilkan idea atau hipotesis yang boleh diuji melalui penyelidikan kuantitatif di masa akan datang. Penyelidikan kualitatif digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang tingkah laku manusia, pengalaman, sikap, niat, dan motivasi mereka (Kartika et al., 2020). Kajian kualitatif berasaskan kepada pemerhatian dan tafsiran untuk mengetahui cara orang berfikir. Dalam penyelidikan ini, pandangan dan pengalaman informan diberi penekanan yang besar. Jenis penyelidikan kualitatif yang biasa dilakukan termasuk kajian kes, etnografi, sejarah, dan fenomenologi. Penyelidikan kualitatif adalah seperti seorang detektif yang cuba memahami mengapa sesuatu berlaku dengan menyelidiki pengalaman orang dalam persekitaran semula jadi mereka. Penyelidikan ini memberi tumpuan dalam mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai situasi sosial dan sebab-sebab di sebalik kelakuan manusia.

Berbeza dengan penyelidikan kuantitatif yang menggunakan nombor dan statistik, penyelidikan kualitatif mengumpulkan cerita, temu bual, dan pemerhatian untuk mendapatkan cerapan mengenai cara orang berfikir. Pendekatan kualitatif menekankan pada pemahaman dan makna dari perspektif orang yang terlibat. Pendekatan ini lebih menitikberatkan proses daripada hasil akhir, sehingga urutan langkah-langkah dalam kajian ini dapat berubah-ubah bergantung pada keadaan yang ditemui (Chariri, 2019).

3. 2 Reka Bentuk Kajian: Kajian Kes

Reka bentuk penyelidikan ini adalah untuk mengkaji agar mendapat maklumat untuk objektif dicapai. Kajian kes ialah satu pendekatan penyelidikan yang mendalam dan terperinci terhadap sesuatu kes tertentu dalam konteks dunia sebenar. Ia digunakan untuk memahami fenomena kompleks dalam situasi sebenar, dengan menumpukan kepada satu atau beberapa kes sahaja. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai subjek yang dikaji, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi dan interaksi antara elemen-elemen dalam kes tersebut.

Sebagai contoh, kajian oleh Hashim et al. (2009) meneliti kesediaan keusahawanan dalam kalangan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. Melalui kajian kes ini, penyelidik dapat memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan keusahawanan dalam konteks IKS di Malaysia. Begitu juga, kajian oleh Azman et al., (2017) meneliti sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan di Lembah Klang, Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes, penyelidik dapat menganalisis secara mendalam sikap dan faktor-faktor yang mempengaruhi keberhutangan dalam kalangan isi rumah di kawasan tersebut. Dengan kaedah kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih terperinci bahawa betapa pentingnya pembuatan jebak puyuh ini harus diperkenalkan dalam masyarakat kita.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai cara untuk mengekalkan pembuatan jebak puyuh dalam kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di kampung tersebut.

3.3.1 Kaedah Temu Bual

Temu bual ialah komunikasi antara dua pihak dalam mengumpulkan data yang diperlukan bagi sesuatu kajian. Kaedah temu bual membantu dalam mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kajian kes di lokasi yang dipilih, serta menerangkan secara terperinci masalah yang timbul berdasarkan kejadian di kawasan tersebut. Menurut Jasmi (2012), Temu bual bukanlah satu-satunya kaedah pengumpulan data tetapi ia juga berperanan penting dalam menggambarkan situasi atau peristiwa sebenar dengan lebih mendalam.

Dalam kajian ini, temu bual yang digunakan adalah berbentuk informal dan mengandungi soalan 'open-ended', di mana informan perlu memberikan penjelasan yang lebih lanjut untuk jawapan mereka. Kaedah temu bual ini juga melibatkan interaksi secara bersemuka antara dua pihak. Untuk memastikan data yang diperoleh daripada informan tidak hilang, semua temu bual dirakam menggunakan alat bantuan kajian. Temu bual merupakan sesi soal jawab yang mempunyai senarai soalan dan perancangan yang ditulis dahulu sebelum ditanya oleh penemu bual perlu turun ke lapangan (Seidman, 2019). Mengumpul data secara langsung seperti

secara bersemuka dan tidak bersemuka iaitu melalui telefon adalah kelebihan (Liamputtong 2009). Kaedah temu bual memainkan peranan penting dalam penyelidikan dan pengumpulan data. Ia merangkumi pelbagai pendekatan, termasuk temu bual peribadi yang menawarkan fleksibiliti dalam pengumpulan data, sama ada melalui format berstruktur atau tidak berstruktur. Kaedah ini melibatkan informan melalui soalan penyelidikan yang khusus atau membenarkan mereka berkongsi cerita mereka secara terus. Kaedah temu bual adalah penting untuk mengumpul maklumat yang lebih jelas dan tepat. Temu bual ini dijalankan bersama informan bagi memastikan persoalan kajian dapat dijawab. Temu bual ini juga dirakam menggunakan audio dan dicatat. Temu bual terhadap beberapa informan daripada masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat Kelantan mengenai jebak puyuh ini. Temu bual dirakam selama 30 minit hingga satu jam mengikut soalan yang telah disediakan. Temu bual dilakukan Bersama lima informan hingga 10 informan.

3.3.2 Pemerhatian

Pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara langsung (*direct observation*) dan pemerhatian ikut serta (*participant observation*). Kajian ini digunakan pemerhatian secara terus agar dapat melohat dan mendokumentasikan proses pembuatan Jebak Puyuh secara objektif dan mendalam. Melalui pemerhatian ini, setiap langkah, teknik, dan alat yang digunakan dalam proses pembuatan Jebak Puyuh dapat diamati dengan teliti. Kaedah ini melibatkan pemerhatian terhadap proses pembuatan Jebak Puyuh serta aspek-aspek yang berkaitan dalam kalangan masyarakat di Tumpat, Kelantan. Pemerhatian ini juga dilakukan dengan tujuan untuk memahami dan mengalami serta mendalami fungsi dan nilai Jebak Puyuh dalam konteks budaya tradisional masyarakat Kelantan. Melalui pemerhatian secara langsung, maklumat yang penting dapat diperoleh mengenai pengetahuan, pengekalkannya, serta cara pembuatan Jebak Puyuh dipelihara sebagai warisan budaya. Kaedah ini memainkan peranan penting dalam mencapai objektif kajian, iaitu menilai kepentingan pelestarian warisan budaya dalam kalangan masyarakat setempat.

3.4 Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian terbahagi kepada pensampelan data adalah proses pemilihan sebagian dari populasi atau sumber data yang lebih besar untuk dijadikan representasi dalam suatu penelitian atau analisis. Tujuan pensampelan data adalah untuk memperoleh maklumat yang dapat mewakili populasi secara umum dengan cara yang efisien tanpa harus mengumpulkan data dari seluruh populasi yang ada. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bola salji untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Pensampelan bola salji adalah teknik penyelidikan yang sering digunakan untuk mengakses populasi yang sukar dikenali atau mempunyai bilangan yang kecil. Teknik ini dimulakan dengan mengenal pasti responden awal yang kemudian mencadangkan individu lain yang sesuai untuk dijadikan sampel. Contoh penggunaan kaedah ini dapat dilihat dalam kajian kuantitatif dan kualitatif untuk menyelidik populasi tertentu, seperti pengundi luar Kelantan di Lembah Klang (Mamat & Ramli, 2021). Teknik ini melibatkan proses yang perlu menghubungi individu yang terlibat dalam pembuatan dan pelestarian Jebak Puyuh dan meminta mereka mencadangkan individu lain yang relevan. Melalui teknik ini juga dapat mencari responden yang dapat memberikan pandangan mendalam mengenai pengetahuan dan pengenalannya dalam kalangan masyarakat.

3.4.1 Teknik Pemilihan Informan

Informan yang dipilih untuk sesi temu bual terdiri daripada individu yang berumur antara 50 hingga 75 tahun sahaja (Jadual 3.1). Pengkaji telah menemu bual informan yang memenuhi kriteria umur yang ditetapkan. Selain itu, terdapat juga beberapa informan yang ditemu bual berdasarkan cadangan daripada informan lain. Pemilihan informan berdasarkan had umur ini dilakukan kerana majoriti penduduk di Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan terdiri daripada golongan yang telah berusia.

Jadual 3.1: Demografi Informan

INFORMAN	UMUR	PEKERJAAN
Informan 1	58 Tahun	Pesawah
Informan 2	62 Tahun	Petani
Informan 3	60 Tahun	Petani
Informan 4	88 Tahun	Penternak
Informan 5	79 Tahun	Membuat Kraftangan
Informan 6	73 Tahun	Penternak

Jadual 3.1 menggambarkan peringkat-peringkat dalam analisis tematik menggunakan pendekatan kualitatif. Proses ini merangkumi beberapa peringkat utama, bermula dengan transkripsi, diikuti oleh pengkodan, pengenalpastian tema, dan penyediaan laporan.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah ini digunakan untuk memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian. Data ialah fakta mengenai sesuatu benda, orang, kejadian, atau perkara lain yang seumpamanya. Dalam konteks sistem maklumat, data merujuk kepada sebarang butiran yang dimiliki oleh pengguna sistem. Data ini, apabila diproses dan disusun atur, menjadi maklumat yang berguna untuk membuat keputusan (Husin et al, 2014). Pengumpulan data adalah salah satu proses penting dalam penyelidikan kerana ia menyediakan asas untuk analisis dan penemuan. Proses ini melibatkan pengumpulan fakta, angka, atau maklumat yang relevan untuk menjawab persoalan kajian atau mencapai objektif yang telah ditetapkan. Data yang dikumpulkan perlu sahih, boleh dipercayai, dan berkaitan dengan isu yang dikaji untuk memastikan hasil penyelidikan adalah tepat dan berintegriti. Menurut Jasmi (2012), metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Kaedah pengumpulan data perlulah tepat agar ia tidak lari daripada tujuan kajian ini dijalankan. Data ini juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu data primer dan sekunder.

3.5.1 Data Primer

Data primer merujuk kepada data asal yang dikumpul secara langsung untuk tujuan penyelidikan. Pelbagai orang memberikan pandangan tentang kepentingan dan cabaran yang berkaitan dengan pengumpulan data utama dalam bidang yang berbeza. (Fadilla & Wundari, 2023). Hal ini melibatkan beberapa kaedah pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatiandan kaedah temu bual.

3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah data yang diperoleh secara tidak langsung melalui media perantara. Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah dokumentasi, iaitu teknik pengumpulan data dengan cara mengumpul, mencatat, dan mengkaji data sekunder seperti laporan (Mich et al, 2023). Data sekunder merujuk yang sudah sedia ada yang dihasilkan oleh para tokoh atau penulis terdahulu (Eshak & Zain, 2020). Data ini diperoleh dari sumber buku, tesis, keratan akhbar, artikel dan jurnal. Kajian ini juga menggunakan kaedah perpustakaan dan sumber internet bagi memperoleh maklumat tambahan.

i) Kaedah Perpustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah keperpustakaan untuk mendapatkan dan mengumpul bahan-bahan penulisan serta rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Usaha ini termasuk pergi ke perpustakaan bagi mencari buku yang berkaitan dengan kraftangan Jebak Puyuh di Tumpat, Kelantan.

ii) Sumber Internet

Kajian ini menggunakan sumber daripada internet untuk menambah maklumat, pengetahuan, serta bahan rujukan seperti tesis, artikel, dan jurnal dalam talian. Sumber ini juga digunakan sebagai maklumat tambahan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai.

3.5 Analisis Data

Analisis data adalah cara yang penting dalam sesebuah kajian dan ia juga merupakan komponen utama dalam menyampaikan maklumat atau informasi (Eshak dan Zain, 2020). (Jadual 3.2) Proses menyusun dan mengkategorikan data adalah cara menganalisis serta mencari pola atau tema dengan tujuan memahami maknanya. Menyusun data bermaksud mengelompokkannya menjadi tema, pola, atau kategori yang sesuai dengan objektif kajian (Awaliyah, 2019). Oleh itu, betapa pentingnya Teknik penganlisan dalam dalam sesebuah penyelidikan agar mudah tercapai objektif. Kajian ini mempunyai dua kaedah iaitu analisis deksriptif bagi analisis data kauntitatif dan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif.


Jadual 3.2: Proses Analisis Data Tematik

Sumber: Kajian Lapangan

Nama: Pokmud Tarikh: 28 oktober 2024 Masa: 2 petang			
	Transkrip Bualan	Kod	Tema
A (you)	Pokmud lamo doh ko wak jebok ni?		
B (IV)	Pokmud wak jebok ni lamo doh. Start dari jak mudo lagi. Umur time tu 13 tahun lagi. Time tu bukei panda terus. time tu kecil lagi yah. time tu baru duk tera wak. Tengok ayah sedaro dok wak goni. Pahtu dei lamo tengok kei. yo jadi minat.	Time tu bukei panda terus	Turun temurun.
		Tengok ayah sedaro dok wak goni.	Turun temurun
	Memel pokmud minat ko wak goni?		
	Eh benarnya kalu dari dulu bukei minat pon. tapi wak untuk cari makei. Puyuh ni dulu wak cari untuk makei yah. Bukei wak sajo sajo. Ore dulu makenei ni payoh nak cari makane. Tu yo boleh makei puyuh tu. kalu ore loni payoh la hom nok makei puyuh nyo. kironyo dari wak cari makei la wak jebok ni.	tapi wak untuk cari makei ore loni payoh la hom nok makei puyuh nyo	Fungsi Faktor pengurangan jebak

3.6.1 Analisis Tematik

Analisis tematik (Rajah 3.2) ialah pendekatan yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan pola atau tema dalam data, terutamanya dalam kajian kualitatif. Proses ini melibatkan beberapa langkah penting yang dimulai dengan mengenali data, iaitu membaca dan memahami data mentah seperti transkrip wawancara secara berulang untuk memperoleh gambaran keseluruhan. Seterusnya, kod awal dijana dengan menandakan bahagian-bahagian data yang relevan menggunakan label ringkas yang mencerminkan kandungan data. Kod-kod ini kemudiannya digabungkan untuk mengenal pasti pola atau tema utama yang muncul. Setelah tema dikenal pasti, langkah seterusnya ialah mengulas tema tersebut untuk memastikan ia sejajar dengan data asal dan objektif kajian. Tema-tema yang telah disemak kemudian diberi nama untuk menggambarkan maksud dan kepentingannya secara jelas. Akhir sekali, hasil analisis dilaporkan dengan sistematik, disertai petikan data yang menyokong setiap tema yang dikenalpasti. Teknik ini memberikan struktur yang jelas dan teratur dalam memahami fenomena yang dikaji (Braun & Clarke, 2006).



Rajah 3.1: Proses Analisis Tematik

i) Membiasakan Diri Dengan Data

Pada tahap ini, kaedah ini terlibat secara aktif dengan data, seperti membaca dan mengulang bacaan teks seperti transkrip temu bual dengan responden. Selain itu, menambah bahawa mendengar rakaman audio atau menonton data video juga dapat digunakan untuk membantu lebih memahami dan terbiasa dengan data tersebut (Yasin et al, 2022).

ii) Pengekodaan

Seterusnya, memulakan analisis sistematik data melalui proses pengekodan. Kod adalah elemen asas dalam analisis ini, yang berfungsi untuk mengenal pasti dan memberikan label kepada data yang dikumpul menyatakan bahawa penggunaan kod juga membolehkan merangkumkan sebahagian data sambil menjelaskan kandungan data yang bersifat deskriptif (Yasin et al, 2022).

iii) Mencari Tema

Seterusnya, pada tahap ini, analisis mula mengambil bentuk yang lebih jelas. Proses pencarian tema adalah langkah yang aktif dalam analisis tematik. Menurut Yasin et al (2022), mengidentifikasi dan membina tema berdasarkan data kajian.

iv) Menyemak Potensi Tema

Pada peringkat ini meneliti data yang diperoleh daripada responden dengan teliti. Menurut Yasin et al., 2022 menyatakan bahawa pemeriksaan kualiti sangat penting dalam fasa ini untuk memastikan semua data disimpan dengan teliti sepanjang proses kajian.

v) Menentukan Dan Menamakan Tema

Dalam peringkat ini juga perlu menyatakan dengan jelas tentang data-data yang diperolehi daripada responden.

vi) Menghasilkan Laporan

Akhirnya, penyelidikan menyiapkan laporan akhir. Menurut (Habidin et al, 2021), penulisan dan analisis yang komprehensif perlu dilakukan dalam penyelidikan kualitatif untuk memastikan laporan yang dihasilkan menarik dan informatif, serta memberikan maklumat yang jelas mengenai data berdasarkan analisis yang dijalankan.

3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, bahagian 3 ini menerangkan tentang metodologi kajian dan pendekatan. Bahagian ini telah menerangkan secara terperinci tentang pendekatan kajian, kaedah kajian, reka bentuk kajian dan sebagainya. Bab 3 ini merupakan antara bahagian yang penting dalam kajian untuk dijadikan panduan dalam menyiapkan kajian ini. Bahagian ini juga memainkan peranan penting dalam menetapkan kaedah pengumpulan data dan menganalisis data yang diperoleh melalui sumber primer ataupun sekunder. Metodologi kajian ini penting dalam mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian berkenaan pengetahuan dan pengekaln pembuatan jebak puyuh dalam kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat Kelantan Terdapat tujuh tema hasil daripada analisis tematik iaitu sejarah jebak puyuh, bahan yang digunakan dalam pembuatan jebak puyuh, seni ukir dan reka bentuk jebak puyuh, proses pembuatan jebak puyuh, cabaran dalam pembuatan jebak puyuh, kaedah pemindahan yang diperturunkan generasi kegenerasi dan kesan Jebak puyuh dipelihara. Rajah 4.1 menunjukkan temu bual bersama pakar jebak puyuh iaitu Pokmud.



Rajah 4.1: Temu Bual Pakar Jebak Puyuh

Sumber: Kajian Lapangan

4.1 Sejarah Jebak Puyuh

Perkataan sejarah berasal daripada bahasa Arab, iaitu syajaratun yang bermaksud "pohon kayu." Pohon ini diibaratkan seperti perjalanan sesuatu peristiwa yang bermula dari akar, berkembang dengan cabang, dahan, daun, bunga, dan buah. Ia menggambarkan kejadian, kesan, dan rekod peristiwa yang berlaku sepanjang masa lalu (Sukmana, 2021). Melalui hasil daripada kajian dapatan terdapat beberapa pendapat daripada informan mengenai pemahaman mereka mengenai sejarah jebak puyuh. Contohnya Informan 6 menyatakan bahawa :

Jebok ni asal dari kelate. Asal siloh dio klate lah. Jebok ni bendo wak igak burung. Tu panggil jebok. Kalu dari ore gak panggil jerat. Jerat ni wak Igak bendo la supo binatei ni. Macei kito wak jebok puyuh lah. Jebok burung lain pon buat jugop hom.

[Jebak ni asal dari Kelantan. Memang asal usulnya Kelantan. Jebak ni untuk menangkap burung. Tu orang kata panggil jebak. Kalau benda lain dipanggil jerat. Jerat ni adalah untuk menangkap sesuatu seperti binatang. Macam yang kita buat ni jebak puyuh. Jebak untuk burung biasa pon ada] (Informan 6, Temu Bual, 22 oktober 2024)

Berdasarkan pendapat yang diutarakan oleh Informan 6, beliau menyatakan bahawa jebak puyuh berasal dari Kelantan dan merupakan alat tradisional yang digunakan untuk menangkap burung, khususnya burung puyuh. Menurut beliau, istilah "jebak" merujuk kepada perangkap burung, manakala "jerat" digunakan untuk menangkap haiwan lain secara umum. Hal ini membuktikan bahawa jebak puyuh bukan sahaja warisan tradisional yang berasal dari Kelantan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat setempat sebagai alat menangkap burung. Ia mencerminkan kreativiti dan kebijaksanaan masyarakat dalam mencipta peralatan yang sesuai dengan keperluan mereka, selain menunjukkan hubungan erat antara budaya tradisional dan alam sekitar (Indrawardana, 2012). Seterusnya kenyataan di atas juga disokong dengan Informan 3

Ha jadi kita ni sebagai orang kelantan dok, sebab jebak ni famous di pantai timur lah kata jebak puyuh ni kan kita kena jagalah jaga. Jadi kita tahu kita minatnya sebab apa kita tengok benda itu unik.

[Ha jadi kita sebagai orang Kelantan kita mesti kenal jebak ni sebab ia terkenal di Kawasan pantai timur. Jadinya kita perlulah memelihara jebak puyuh. Jadi kita minat benda macam ini adalah sebab benda mcam ini unik] (Informan 3, Temu Bual, 20 Oktober 2024).

Informan 3 menyatakan bahawa jebak puyuh merupakan warisan budaya yang terkenal dan signifikan di kawasan Pantai Timur, khususnya di Kelantan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa masyarakat setempat bukan sahaja menyedari nilai sejarah jebak puyuh tetapi juga perlu bertanggungjawab untuk memelihara dan menghargainya sebagai warisan yang unik. Keunikan reka bentuk dan fungsi jebak puyuh menjadi salah satu faktor yang mendorong minat masyarakat terhadap kraf tradisional, sekali gus mencerminkan identiti budaya dan nilai estetika yang diwarisi turun-temurun.

Selain itu, juga menyatakan bahawa sejarah jebak puyuh berasal bukan sahaja berasal dari pantai timur (Nasir & Muhamad, 2018). Kenyataan ini dilontarkan oleh informan 2 yang menyatakan bahawa:

Er dasar pada sejarah juga puyuh lah yang mungkin jebok puyuh ni asalnya dari terengganu. Asalnya pada masa dulu itu masa zaman pokcik itu duduk main itu adalah 80 an tu jebok biasa je lah jebok bukan tradisional hok comel srupo lonilah dulu jebok biasa sahaja cuma bentuknya lebih kurang sama.

[Pada dasarnya sejarah ini jebak puyuh ni asal nya daripada Terengganu. Asalnya dulu pada zaman waktu pakcik kecil dulu zaman 80 an ,tapi tu jebak yang biasa. Bukan yang jebak macam sekarang yang cantik bentuknya. Tapi bentuknya lebih kurang begitu.] (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024)

Menerusi pemahaman yang diutarakan oleh Informan 2, jebak mempunyai sejarah dan berasal daripada Terengganu. Jebak Puyuh dari Terengganu diperbuat daripada kayu angkana dan dihiasi ukiran motif tradisional seperti bunga sukun, pucuk kacang, awan larat, dan bunga dala (Universiti Malaya library, 2021). Informan 2 menjelaskan bahawa pada zaman itu, jebak puyuh yang digunakan adalah lebih ringkas dan tidak begitu menarik seperti jebak yang dihasilkan pada masa kini. Namun, bentuk asas jebak tersebut kekal sama. Hal ini membuktikan bahawa terdapat variasi pandangan mengenai asal usul jebak puyuh, yang dipengaruhi oleh latar belakang dan pengalaman individu, sekali gus mencerminkan kebudayaan pelbagai di rantau ini.

Hal ini menyebabkan terdapat pelbagai pandangan mengenai sejarah asal usul jebak puyuh yang berakar daripada pengalaman dan persepsi individu (Mohd Sidi et al, 2021). Pandangan yang berbeza bukan sahaja mencerminkan kekayaan budaya tetapi juga menunjukkan bahawa jebak puyuh telah menjadi sebahagian penting dalam tradisi masyarakat Pantai Timur. Masyarakat di Kelantan menganggap jebak puyuh sebagai sebahagian daripada identiti budaya mereka dengan menyatakan keunikannya dan peranannya dalam kehidupan harian (Nasir & Muhamad, 2018).

Perbezaan ini menyebabkan timbulnya keperluan untuk mendokumentasikan dan mengkaji dengan lebih mendalam sejarah serta asal usul sebenar jebak puyuh. Ia penting untuk memahami bagaimana alat tradisional ini berkembang dari segi reka bentuk dan fungsi, serta bagaimana masyarakat telah mengadaptasi dan memperbaikinya dari masa ke masa. Selain itu, variasi dalam reka bentuk jebak puyuh turut mencerminkan kreativiti masyarakat tempatan

dalam menghasilkan alat yang bukan sahaja praktikal tetapi juga estetik dari segi pembuatan jebak puyuh.

Hal ini juga menimbulkan kesedaran bahawa usaha memelihara warisan seperti jebak puyuh perlu dilakukan secara kolektif, tanpa mengira negeri asalnya. Ia adalah simbol kebijaksanaan dan kreativiti nenek moyang yang harus dihargai dan diwariskan kepada generasi akan datang. Dengan melibatkan lebih ramai pihak dalam kajian ini, termasuk masyarakat setempat, pengkaji, dan pihak berkuasa, jebak puyuh dapat terus dihidupkan sebagai salah satu warisan budaya yang bernilai.

4.1.1 Maksud Jebak

Seluruh masyarakat di Kelantan merujuk jebak sebagai sejenis perangkap. Jebak Puyuh digunakan untuk memerangkap burung puyuh tetapi pada masa kini ia digunakan sebagai perhiasan di dalam rumah kerana bentuknya yang unik dan cantik. Jebak Puyuh merupakan salah satu kraf yang memiliki nilai tersendiri dan merupakan antara kraf yang paling popular di Kelantan (Bahruddin et al, 2022). Informan 2 menganggap bahawa perangkap adalah untuk menangkap haiwan atau sesuatu dengan mengeluarkan pernyataan,

Benda untuk dari segi kelantan atau mudah ke Perangkap ha jebak ni ya perangkap orang nak buat perangkap. Orang buat perangkap ni untuk menangkap sesuatu lah tak kiralah untuk menangkap apa dia. Haiwan haiwan yang orang kata dimakan. Kalau orang dulu ni dia tak ada macam ternakan orang dulu ni tak ada ternakan puyuh kalau macam sekarang ni puyuh ini kita boleh tengok bersepah orang menternak kan. Jadi bila tak ada ternakan yang banyak begini orang dulu ya kreatif jadi dia itulah lahirnya jebak jebak ini macam jerat perangkap itulah kalau dari segi kata mudah jebak ini. Angkat atau jerak betul haiwan untuk menangkap haiwan.

[Benda ni dari segi Kelantan secara mudah dipanggil perangkap. Orang buat perangkap ni adalah untuk menangkap sesuatu. Sebagai contoh haiwan yang orang kata boleh dimakan. Kalau orang dulu ni tak ada untuk ternakan seperti puyuh. Sebab macam sekarang burung puyuh banyak dijual dan ditenak. Jadi

dulu, tiada ternakan puyuh menjadikan orang zaman dahulu kreatif dan itu menyebabkan lahirnya jebak puyuh.] (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Informan 2 menjelaskan bahawa istilah "jebak" di Kelantan merujuk kepada perangkap yang digunakan untuk menangkap haiwan, terutamanya haiwan yang boleh dimakan. Beliau menyatakan bahawa pada zaman dahulu, masyarakat tidak mempunyai akses kepada ternakan seperti burung puyuh yang kini banyak ditenak dan dijual. Oleh itu, masyarakat terdahulu menunjukkan kreativiti dengan mencipta perangkap tradisional seperti jebak puyuh untuk memenuhi keperluan mereka mendapatkan sumber makanan.

Menurut beliau, jebak berfungsi seperti jerat yang direka khas untuk menangkap haiwan, dan ia menjadi salah satu inovasi penting dalam kehidupan masyarakat tradisional. Hal ini mencerminkan daya kreativiti dan kebergantungan masyarakat terhadap sumber alam sekitar untuk kelangsungan hidup. Dengan ketiadaan teknologi moden pada masa itu, jebak puyuh menjadi bukti bagaimana masyarakat tradisional menggunakan kepakaran dan sumber yang ada untuk mencipta alat yang berkesan dan praktikal dalam kehidupan harian mereka. Pernyataan ini juga disokong oleh Informan 5,

Jebok ni perangkap la nok igak bendo macei gapo gapo binatei la. Tak kiro la burung ko gapo ko. Ade ore panggil jerat kalu bahaso mudoh. Jebok ni tak rama pon hok kenal benarnya. Payoh la kalu macei ore ni gak lagi lah taktahu jebok ni gapo.

[Jebak ni dipanggil perangkap la untuk menangkap benda seperti binatang. Tak kira la burung ke apa ke. Ada orang panggil jerat kalua dalam Bahasa mudahnya. Kebiasaanya jebak ni tidak dikenali. Susah lah sebab orang lain taktahu jebak ni apa] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024).

Menurut apa yang disampaikan oleh Informan 5, jebak merupakan alat perangkap tradisional yang digunakan untuk menangkap haiwan, termasuk burung dan binatang lain. Dalam bahasa mudah, jebak sering disamakan dengan jerat, yang juga berfungsi sebagai perangkap. Namun, Informan 5 menekankan bahawa tidak ramai yang benar-benar mengenali atau memahami jebak ini, khususnya dalam kalangan generasi muda atau mereka yang kurang terdedah kepada kehidupan tradisional.

Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan jebak semakin kurang diketahui dan dipraktikkan dalam masyarakat moden, disebabkan perubahan gaya hidup serta kebergantungan kepada kaedah dan teknologi moden. Selain itu, ia nilai tradisional seperti penggunaan jebak berisiko untuk dilupakan jika usaha pemeliharaan dan pendidikan mengenai warisan budaya ini tidak dilakukan. Oleh itu, penting untuk meningkatkan kesedaran tentang alat tradisional seperti jebak, bukan sahaja sebagai alat menangkap haiwan tetapi juga sebagai simbol kebijaksanaan dan inovasi masyarakat zaman dahulu.

4.1.2 Ciri Ciri Burung Puyuh

Burung Puyuh (*Coturnix coturnix japonica*) mempunyai potensi besar untuk dikembangkan kerana permintaan terhadap telur burung puyuh sangat tinggi. Selain itu, harga telur burung puyuh yang berpatutan menjadikannya pilihan yang mudah diakses oleh masyarakat. Selain digunakan sebagai sumber makanan yang kaya dengan protein, burung puyuh juga dapat dimanfaatkan dalam aktiviti penternakan kecil-kecilan, menjadikannya sumber pendapatan tambahan bagi golongan penternak (Tumbilung et al, 2014). Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan, ciri ciri burung puyuh jugak dapat digambarkan melalui ciri fizikal dan fungsi jebak puyuh ini. Informan 1 menyatakan,

Zamei dulu kalau kita ni asal ni bila orang kampung kebanyakan kita kehidupan kita ini kita burung puyuh ini salah seekor dia ini binatang untuk jadikan makanan ini. Jadi setiap benda kita buat ini kita mesti ada. Istilah dia makei dengan bela. Tapi zaman dulu sebagai makanei yang paling utama lah dengar ciri ciri kampung kawasan kampung burung ini ada hak kita pero ada hak kita untuk makan.

[zaman dulu asal orang kampung ni kebanyakannya kehidupan burung puyuh adalah salah satu makanan yang dijadikan makanan. Jadi kalau orang istilah nya makan dan bela. Tapi orang dulu cari untuk buat makan lah paling utama.] (Informan 1, temu bual, 3 oktober 2024)

Informan 1 menyatakan bahawa pada zaman dahulu, burung puyuh merupakan salah satu sumber makanan utama bagi masyarakat kampung. Kehidupan masyarakat ketika itu sangat berkait rapat dengan alam semula jadi, di mana burung puyuh ditangkap untuk tujuan

pemakanan. Selain itu, terdapat juga individu yang membela burung puyuh untuk dijadikan bekalan makanan yang berterusan. Hal ini menunjukkan bahawa burung puyuh bukan sahaja dilihat sebagai sumber makanan tetapi juga menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat kampung pada masa lalu.

Ciri-ciri burung puyuh yang mudah dijinakkan dan sesuai dengan kawasan kampung menjadikannya pilihan ideal untuk dijadikan sumber protein. Tambahan pula, sifatnya yang kecil dan senang ditangkap turut memudahkan penggunaan alat tradisional seperti jebak puyuh. Kebergantungan masyarakat terhadap burung puyuh mencerminkan hubungan erat antara manusia dan alam sekitar, di mana setiap elemen alam dimanfaatkan sepenuhnya bagi kelangsungan hidup. Berdasarkan apa yang diutarakan oleh Informan 1, Informan 3 juga mengeluarkan pernyataan yang sama bahawa burung puyuh adalah makan utama dan makanan orang dahulu.

Orang buat perangkap ni untuk menangkap sesuatu lah tak kiralah untuk menangkap apa dia. Haiwan haiwan yang orang kata dimakan. Kalau orang dulu ni dia tak ada macam ternakan orang dulu ni tak ada ternakan puyuh kalau macam sekarang ni puyuh ini kita boleh tengok bersepah orang menternak kan. Jadi bila tak ada ternakan yang banyak begini orang dulu ya kreatif jadi dia itulah lahirnya jebak jebak ini macam jerat perangkap itulah kalau dari segi kata mudah jebak ini.

[Orang yang buat perangkap ni adalah untuk menangkap sesuatu tak kira lah dia menangkap apa. Kalau orang dulu ni dia taka da haiwan ternakan. Macam sekarang kitab oleh tengok orang banyak menternak. Jadi beza dulu dan sekarang kerana orang dulu dia memerlukan makanan jadi ia akan menjadi kreatif untuk menaangkap sesuatu jadi lahirlah jebak ini.] (Informan 3, Temu Bual, 20 Oktober 2024).

Berdasarkan apa yang diutarakan oleh Informan 1, kenyataan Informan 3 turut menyokong pandangan bahawa burung puyuh merupakan salah satu makanan utama bagi masyarakat pada masa dahulu. Informan 3 menekankan bahawa ketiadaan ternakan yang meluas pada zaman tersebut mendorong masyarakat untuk menggunakan kreativiti dalam mencipta alat-alat seperti jebak bagi memenuhi keperluan makanan harian. Jebak digunakan sebagai perangkap untuk menangkap haiwan, termasuk burung puyuh, yang dijadikan sumber protein bagi masyarakat.

Hal ini menunjukkan bahawa jebak bukan sahaja memainkan peranan penting dalam mempermudah proses menangkap burung puyuh tetapi juga merupakan hasil inovasi masyarakat tradisional dalam menyesuaikan diri dengan sumber yang terhad. Perkembangan ini memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat pada masa lalu dalam menggunakan sumber daya alam untuk memenuhi keperluan asas mereka. Selain itu, ia turut mencerminkan hubungan erat antara budaya tradisional dengan gaya hidup masyarakat yang bergantung sepenuhnya pada kebergantungan terhadap alam sekitar.

Kenyataan ini menguatkan lagi hakikat bahawa burung puyuh bukan sekadar makanan tetapi juga sebahagian daripada identiti dan amalan tradisional yang diwarisi oleh masyarakat sehingga kini. Selain itu, burung puyuh ini ditangkap dan juga dijual. Pernyataan ini disokong oleh dari informan 2, *“kedua puyuh tu kita guna untuk makan untuk buat lauk lepas itu akhir akhir ini kebanyakannya kebanyakannya dia orang buat jual belilah, jual puyuh tu itu kepada anda yang berminat untuk burung puyuh utan ni ngan Puyuh liar.”* [Kedua puyuh ini diguna untuk makan sebagai lauk dan ada juga kebanyakkan adalah untuk dijual kepada yang berminat seperti burung puyuh hutan atau liar] (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024). Informan 1 juga menyatakan bahawa tempat yang perlu diletakkan perangkap untuk burung puyuh ini adalah seperti Kawasan bendang atau sawah padi. *“Kalau kita dulu jerat.terutamanya puyuh ni suko kawasei bendei ,kawasan padi.”* [kalau kita dulu tangkap dikawasan terutamanya Kawasan yang puyuh suka ialah Kawasan bendang dan sawah padi.] (Informan 1, Temu Bual, 3 Oktober 2024)

Menurut pernyataan di atas, Informan 1 menjelaskan bahawa kawasan bendang dan sawah padi merupakan lokasi utama yang sering menjadi habitat burung puyuh. Hal ini kerana burung puyuh memilih kawasan yang memiliki semak samun sebagai tempat tinggal, mencari makanan, dan bertelur. Kawasan seperti ini menyediakan persekitaran yang sesuai dengan keperluan burung puyuh, termasuk sumber makanan seperti biji-bijian dan serangga kecil yang banyak terdapat di kawasan pertanian.

Selain itu, hubungan rapat antara masyarakat tradisional dengan alam sekitar dapat dilihat melalui amalan ini. Mereka bukan sahaja bijak menyesuaikan alat perangkap dengan habitat burung puyuh, tetapi juga menunjukkan kesedaran terhadap kebergantungan mereka pada sumber semula jadi sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian. Pengetahuan ini terus diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya, menjadi sebahagian daripada budaya dan tradisi masyarakat setempat.

4.1.3 Kegiatan Orang Zaman Dahulu

Kegiatan orang dahulu merujuk kepada aktiviti atau amalan yang dilakukan oleh masyarakat lampau sebagai sebahagian daripada kehidupan harian, budaya, dan ekonomi mereka. Ia melibatkan pelbagai aspek seperti pertanian, perburuan, kraftangan, dan adat istiadat. Secara ringkas, kegiatan ini mencerminkan cara mereka memenuhi keperluan asas, mengekspresikan kreativiti melalui seni dan tradisi, serta membina hubungan harmoni dengan alam sekitar (Abdullah et al, 2021). Menangkap burung puyuh ini juga dikatakan bahawa kegiatan orang zaman dahulu di Kelantan ianya untuk mencari makan dan sara hidup. Hal ini dinyatakan oleh Informan 5 *“Eh benarnya kalau dulu bukei minat pon . tapi wak untuk cari makei. Puyuh ni dulu wak cari untuk makei yah. Bukei wak sajo sajo. Ore dulu makenei ni payoh nak cari makanei”* [Eh sebenarnya kalau dulu bukan sebab minat, tapi cari untuk makan. Puyuh ni dulu untuk makan je. Sebab orang dulu ni payah kalua bab makan ni.] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024).

Informan 5 menyatakan bahawa menangkap burung puyuh pada zaman dahulu bukanlah semata-mata dilakukan kerana minat atau hobi, tetapi lebih kepada keperluan untuk mencari makanan bagi kelangsungan hidup. Hal ini disebabkan oleh keadaan pada waktu itu yang sukar, dan sumber makanan tidak mudah diperoleh seperti sekarang. Oleh itu, burung puyuh menjadi salah satu sumber protein yang penting bagi masyarakat ketika itu.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa kegiatan menangkap burung puyuh mencerminkan kreativiti dan daya tahan masyarakat zaman dahulu dalam menghadapi cabaran kehidupan. Mereka memanfaatkan sumber semula jadi yang ada di sekeliling mereka dengan menggunakan alat seperti jebak untuk menangkap burung puyuh sebagai sumber makanan. Peranan burung puyuh sebagai makanan utama bukan sahaja menjadi sebahagian daripada tradisi masyarakat, tetapi juga membentuk cara hidup mereka yang sangat bergantung kepada alam sekitar.

Selain itu, aktiviti ini juga memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat zaman dahulu dalam memahami tingkah laku dan habitat burung puyuh, yang membolehkan mereka menangkap burung tersebut dengan lebih efektif. Ini menunjukkan hubungan yang erat antara manusia dengan persekitaran mereka, di mana setiap kegiatan harian dipandu oleh keperluan asas untuk memastikan kelangsungan hidup. Seiring dengan perubahan zaman, nilai sejarah dan budaya daripada kegiatan ini terus menjadi warisan yang dihargai hingga ke hari ini.

4.1.4 Keunikan Jebak Burung Puyuh

Keunikan jebak burung puyuh terletak pada rekaannya yang menggabungkan fungsi dan estetika. Jebak puyuh bukan sahaja alat untuk menangkap burung tetapi juga hasil seni ukiran kayu yang halus, menggambarkan kreativiti dan nilai budaya Melayu. Jebak sering dihiasi dengan motif tradisional yang melambangkan keindahan alam, kepercayaan, dan falsafah hidup masyarakat, menjadikannya warisan seni dan budaya yang bernilai tinggi (Ahmad, 2016).

Jebak puyuh mempunyai keunikan tersendiri dari segi reka bentuk, fungsi, dan cara penggunaannya. Reka bentuknya yang tradisional memperlihatkan hasil kreativiti masyarakat terdahulu, manakala fungsinya yang khusus untuk menangkap burung puyuh menjadikannya alat yang praktikal dan serbaguna. Selain itu, proses pembuatannya yang menggunakan bahan-bahan semula jadi turut menonjolkan nilai seni dan kemahiran tangan yang tinggi. Informan 1 menyatakan,

Kalau kita orang zaman dulu kita nak buat apa pun. Contohnya kita nak buat ukiran ukiran ni dia ada falsafah dia adik kena tahu sebab falsafah ini. Contohnya kalau kita nak buat muka depan untuk jebak puyuh ini kita mesti ada falsafah terutamanya ukiran itu berpaut pada kawan tidak menyucuk lawan.

[Kalau kita orang zaman dulu ni kalau kita nak buat apa pun. Contoh nya kita nak buat ukiran mesti kene ada mcam yang kita tahu falsafah ini. Contoh ukiran pada muka depan jebak puyuh ini mempunyai falsafah berpaut pada kawan tidak menyucuk lawan.] (Informan 1, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Menurut Informan 1, pembuatan jebak puyuh bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk menangkap burung tetapi juga melibatkan falsafah yang mendalam, terutama dalam reka bentuk ukirannya. Ukiran pada muka depan jebak puyuh, misalnya, mempunyai falsafah "berpaut pada kawan, tidak menyucuk lawan yang melambangkan nilai harmoni dan kerjasama dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa setiap elemen pada jebak puyuh bukan sekadar hiasan, tetapi mengandungi makna simbolik yang mencerminkan kebijaksanaan dan budaya masyarakat terdahulu. Keunikan ini menjadikan jebak puyuh lebih daripada sekadar perangkap, iaitu sebagai warisan seni dan nilai tradisional yang kaya dengan falsafah. Falsafah ini ia membuatkan jebak puyuh ini menjadi lain lain dari jebak burung yang lain. Informan 6

memberikan pernyataan ini , *“Lain hom sebab puyuh ni jerat dio duk bowoh atas rumput. Jerat burung ni lain ye dok letok atas rumput ye ade tempat untuk kito gatung.”* [lain ha, sebab burung ni perangkap dia diletakkan di bawah iaitu atas rumput. Jerat burung lain pula berada di atas tempat yang bergantung] (Informan 6, Temu Bual, 22 oktober 2024). Informan 6 juga berpendapat demikian dan menekankan keunikan Jebak Puyuh, khususnya dari segi cara penggunaannya yang berbeza daripada perangkap burung lain. Jebak puyuh diletakkan di atas permukaan tanah, khususnya di kawasan berumput kerana burung puyuh biasanya bergerak dan mencari makanan di kawasan tersebut. Berbeza dengan perangkap burung lain yang digantung atau diletakkan di tempat tinggi, jebak puyuh direka secara strategik untuk menyesuaikan tingkah laku semula jadi burung puyuh.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu sangat memahami ekologi burung puyuh dan mampu mencipta alat yang berfungsi secara optimum berdasarkan tabiat haiwan tersebut. Keunikan ini bukan sahaja mencerminkan kepintaran masyarakat dalam menyesuaikan teknologi tradisional dengan alam sekitar tetapi juga menyerlahkan keistimewaan jebak puyuh sebagai alat yang dikhususkan untuk menangkap burung puyuh secara efisien. Selain itu juga ada juga informan yang menyatakan bahawa jebak puyuh ini barang tradisional orang zaman dahulu. *“loni jebat jebat ini biasanya oe guna akan guna untuk perhiasei jelah sebab apa sebab dia macei kalau kita tak cuba untuk memelihara benda tradisional sebegini, ia akan semakin akan di. tenggelam zaman tenggelam di zaman.”* [sekarang ni jebak jebak ni biase digunakan untuk barang perhiasan sebab macam bagi kita cuba untuk memelihara barang tradisional sebegini , semakan makin hari ia makin ditenggelam zaman.] (Informan 3, Temu Bual, 20 Oktober 2024).

Berdasarkan pernyataan Informan 3 di atas dapat membuktikan bahawa jebak puyuh mempunyai keunikan tersendiri, jebak puyuh semakin jarang digunakan untuk tujuan asalnya, iaitu untuk menangkap burung puyuh, dan lebih sering dijadikan sebagai barang perhiasan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memelihara warisan tradisional ini, namun dengan perkembangan zaman, penggunaan jebak puyuh semakin berkurang. Informan 3 menyatakan bahawa jika masyarakat tidak berusaha untuk memelihara dan meneruskan penggunaan alat tradisional seperti jebak puyuh, ia akan semakin hilang dan terlupakan oleh generasi masa depan. Maka, usaha untuk memelihara jebak puyuh sebagai sebahagian daripada warisan budaya adalah penting untuk memastikan nilai sejarah dan kepentingannya tetap dihargai.

Reka bentuk tradisional jebak burung puyuh merupakan cara menunjukkan kebijaksanaan dan kreativiti masyarakat terdahulu, yang menggabungkan aspek fungsi dan seni dalam satu hasil ciptaan yang unik. Reka bentuk ini bukan sahaja memenuhi keperluan praktikal sebagai alat menangkap burung puyuh, tetapi juga menyampaikan falsafah dan nilai budaya Melayu melalui ukiran serta cara penggunaannya. Reka bentuk mencerminkan identiti budaya, seperti dalam tembikar tradisional Melayu. Motifnya sering diilhamkan oleh unsur alam semula jadi, yang menunjukkan kehalusan seni dan kekayaan warisan budaya (Ahmad, 2016)

Informan 5 menyatakan bahawa reka bentuk ini, “*Bentuk tu kalu jebok gak die bentuk sepruh bulat yo macei perukuk hom. Macei bentuk purung nyor.*” [Bentuk dia tu adalah bentuk sepruh bulat macam untuk perangkap dan berbentuk macam tempurung kelapa.] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024). Informan 5 turut menambah,

Die takdok makno kalu bentuk bentuk dio ni tapi kalu ore dulu sajo yah duk mcei panggil bentukmacei gajoh tido la badok la. Tapi benarnya bentuk dio tu bentuk biaso yah.bentuk mcae spruh bulat untuk senei wak masuk burung tu alik dalei.

[Bentuk ini tidak mempunyai makna atau simbolik apa apa. Orang dulu hanya sahaja suka suka meletakkan nama seperti gajah tido atau badak ke itu hanya sekadar panggilan. Tapi sebenarnya fungsi sepruh bulat itu untuk memudahkan masuk burung itu kedalam memberi ruang.] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024)

Informan 5 menyatakan bahawa reka bentuk separuh bulat ini menyerupai tempurung kelapa kerana ia memudahkan untuk menangkap burung puyuh agar boleh meletakkan burung puyuh itu kedalam perangkap agar ia mempunyai ruang. Reka bentuk ini turut menonjolkan pemahaman mendalam masyarakat terdahulu terhadap keperluan fungsi dan harmoni dengan persekitaran mereka. Reka bentuk itu dinyatakan bahawa untuk memberi ruang kepada puyuh agar lebih senang masuk kedalam perangkap itu. Pernyataan ini juga disokong oleh Informan 2,

dulu jebok biasa sahaja cuma bentuknya lebih kurang sama lah dia punya jebok itu separuh bulat lepas itu dia ada. Bentuk yo bulat tu agar mudahheki macei kito ni nak letok umpan ke gano dale tu. Kiro mudahheki la jadi ade ruang. Depei tu ade perangkap dio la.

[Dulu jebak ni biase je bentuk di, lebih kurang sama lah dengan yang sekarang. Bentuk nya separuh bulat tu. Bentuk dia bulat tu agar memudahkan la jadi ade ruang untuk meletakkan umpan.] (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Pernyataan ini juga disokong oleh Informan 2, yang menegaskan bahawa reka bentuk separuh bulat pada jebak bukan sahaja menyerupai jebak tradisional dahulu, tetapi juga direka untuk tujuan praktikal. Bentuk ini memberikan ruang yang cukup untuk meletakkan umpan dengan mudah di bahagian dalam jebak, sekaligus memastikan perangkap berfungsi dengan efektif. Reka bentuk ini menunjukkan bahawa masyarakat terdahulu telah mempertimbangkan aspek fungsi dan keselesaan dalam penggunaan jebak puyuh, menjadikannya alat yang praktikal dan efisien.

Informan 5 dan 2 menyatakan perkara yang sama, iaitu reka bentuk separuh bulat pada jebak puyuh memberikan ruang yang sesuai untuk meletakkan umpan, memudahkan proses burung puyuh memasuki perangkap, dan memastikan keberkesanan fungsi alat tersebut. Reka bentuk ini juga mencerminkan pemahaman masyarakat terdahulu terhadap keperluan praktikal dan adaptasi dengan tabiat burung puyuh, sambil mengekalkan elemen tradisional yang menjadi ciri utama alat ini.

4.2 Bahan-Bahan Yang Digunakan Untuk Membuat Jebak Puyuh

Material merujuk kepada bahan mentah yang belum diproses walaupun ada kalanya ia telah melalui pemprosesan awal sebelum digunakan untuk proses pengeluaran seterusnya. Material juga dianggap sebagai bahan separuh siap yang belum mencapai tahap akhir penggunaannya. Selain itu, material amat diperlukan oleh masyarakat, terutamanya dalam usaha membina sesuatu bangunan (Purnama et al, 2021). Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat jebak puyuh terdiri daripada bahan semula jadi yang mudah didapati di persekitaran sekitar. Antara bahan utama yang digunakan termasuklah buluh, rotan, dan dawai halus, yang semuanya dipilih kerana sifatnya yang kukuh dan fleksibel. Buluh, misalnya, sering digunakan untuk membuat rangka jebak kerana ia ringan tetapi tahan lasak, manakala rotan digunakan untuk memberikan kekuatan tambahan pada struktur jebak. Selain itu, dawai halus digunakan untuk membentuk perangkap yang boleh mengunci burung puyuh dengan efektif. Bahan-bahan yang digunakan seperti akar ribu ribu, rotan, kayu nangka dan kayu pokok manggis

mencerminkan kepandaian masyarakat dalam memanfaatkan sumber alam sekitar. Pernyataan ini dikeluarkan oleh Informan 1,

ni boleh dikatakan semua alam semula jadi. Kalau kita tengok betul betul adik tengok betul betul tengok. Saya sebut tadi. Adik tengok pakcik tengok pakcik ni kalau kayu kayu biasanya kita akan ambil lah kayu tak ada kayu hak lebih lebih kalau kayu kalau ukiran ini.

[ni oleh dikatakan semua dari alam semula jadi, kalua kita tengok betul betul, adik tengok yang macam saya sebut tadi. Pakcik amik smua dari kayu macam kita amik lebihan kayu kalua untuk buat ukiran ni”.] (Informan 1, Temu Bual 3 Oktober 2024)

Informan 1 menyatakan bahawa kebanyakan bahan yang digunakan dalam pembuatan jebak puyuh adalah daripada sumber alam semula jadi, seperti kayu yang diambil dari bahan lebihan. Kayu ini digunakan untuk membuat ukiran dan rangka jebak yang memberikan kekuatan dan daya tahan yang diperlukan. Dengan memanfaatkan bahan-bahan semula jadi, ia bukan sahaja mengurangkan pembaziran, tetapi juga menunjukkan kepandaian masyarakat dahulu dalam mencipta peralatan dengan sumber yang ada di sekeliling mereka. Hal ini memperlihatkan hubungan erat antara masyarakat dengan alam sekitar dalam setiap aspek kehidupan mereka. Rajah 4.2 menunjukkan bahawa pomud sedang mengetam lebihan kayu untuk dijadikan papan jebak puyuh.



Rajah 4.2: Cara Mengetam Kayu

Sumber: (Shahrudin et al, 2022)

Informan 4 juga juga berpendapat jebak puyuh ini menggunakan sumber alam semula jadi. *“Ye ade ribu seni,ribu besar. Hok tu hok molek nyo. Ribu besar tu gak ore wak jalin gapo gapo gak, ye kukuh lah”* [Ye ade ribu seni,ribu besar. Yang tu yang eloknya. Ribu besar tu untuk orang buat jalinan atau apa apa boleh kukuh la] (Informan 4, Temu Bual, 5 Oktober 2024)

Informan 3 juga berpendapat sama seperti Informan 4, *“Contohnya sekitar dia ada apa dia buluh akar rotan untuk jebak puyuh pula. Orang akan menggunakan daun bukan daun apa dia punya akar akar ribu akar inilah yang diambil dan dikumpulkan.”* [Contohnya sekitar dia ada macam buluh akar rotan untuk jebak puyuh pula. Orang akan menggunakan daun bukan daun apa dia punya akar akar ribu lah inilah yang diambil dan dikumpulkan] (Informan 3, Temu Bual, 20 Oktober 2024)



Rajah 4.3: Pokok Ribu-Ribu Yang Dijadikan Anyaman

Sumber: Kajian lapangan

Informan 5 juga mengeluarkan pernyataan yang sama, *“Pastu behei bhei lain kei. Srupo akar ribu ribu pahtu kayu . akar ribu ribu tu hok alus tu wak anyamei. Anyamei hok macei kito wak tikar ko gapo ko. Tapi jebok ni kito guno akar ribu ribu.”* [Pastu bahan bahan lain ,srupo akar ribu pahtu kayu akar ribu ribu [Rajah 4.3] tu yang halus tu wak anyaman. Anyaman yang

macam kita wak tikar tu. Tapi jebok ni kita buat dari akar ribu ribu] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024) Kenyataan yang diberikan oleh ketiga-tiga mereka adalah mereka menyatakan bahawa bahan bahan dalam membuat jebak puyuh ini dari alam semula jadi dan mereka juga memanfaatkan semula jadi seperti akar ribu ribu dan rotan.

4.3 Proses Dan Cara Pembuatan Jebak Puyuh

Maksud "proses pembuatan" merujuk kepada langkah-langkah atau teknik yang digunakan untuk menghasilkan kraf Jebak Puyuh. Proses ini melibatkan penggunaan bahan-bahan tertentu, penggabungan seni ukiran kayu dan anyaman, serta perubahan reka bentuk untuk memperindahkan kraf tersebut. Proses pembuatan ini juga mencakup evolusi dari alat perangkap burung puyuh menjadi barang hiasan, yang menunjukkan perubahan dalam fungsi dan seni pembuatan kraf tersebut dari masa ke masa (Mohd Sidi et al, 2021).

Proses pembuatan jebak puyuh ini mengambil masa yang lama kerana ia memerlukan ketelitian dan kemahiran dalam setiap langkah. Pembuatan jebak dimulakan dengan pemilihan bahan-bahan semula jadi seperti buluh, rotan, dan kayu yang sesuai. Pernyataan ini dinyatakan

Ye jebak puyuh ni ikut kemahiran dan orang tersebut contoh hambo selalu wi melalui contoh yang mudah. Ibarat lagi ni ore wak rumoh. Kalu dio baru belajar nak wak rumah dia mungkin ambil masa lama ha. Dan sebenarnya untuk wat jebok ni memang proses dia lama tambah tambah. kalu kita menggunakan akar reribu ni kan.

[Jebak puyuh ini ikut kemahiran dan orang tersebut contoh saya bagi melalui contoh mudah. Ibaratnya orang buat rumah. Kalau dia baru belajar nak buat rumah dia mungkin ambil masa lama ha. Dan sebenarnya proses dia lama tambah menggunakan akar ribu ribu.] (Informan 3, Temu Bual, 20 Oktober 2024)

Kenyataan Informan 3 menunjukkan bahawa pembuatan jebak puyuh memerlukan kemahiran yang mendalam, dan setiap individu yang terlibat dalam proses ini mungkin memerlukan masa yang lama terutamanya jika mereka baru mula belajar atau menggunakan bahan-bahan yang lebih rumit seperti akar reribu. Ini menggambarkan bahawa, seperti membina rumah, pembuatan jebak puyuh bukan hanya tentang mengikut langkah-langkah teknikal, tetapi juga

melibatkan pengalaman dan kecekapan dalam mengendalikan bahan semula jadi yang digunakan. Proses yang memakan masa ini juga mencerminkan betapa pentingnya ketelitian dan kesabaran dalam menghasilkan sebuah jebak puyuh yang berkualiti. Kenyataan di atas juga disokong oleh informan lain. Jebak puyuh ini boleh dilakukan mengikut kemahiran. “*Jebok ni dalam mase 4 hari gitu paling lama seminggu atau dua minggu la kalau hok reti doh. Kalau hok tak reti lagi lamo jugok nok boleh ke siap so goni. Makei bulei la.*” [Jebak ni dalam masa 4 hari gitu paling lama, seminggu atau dua minggu kalau yang dah mahir, kalau yang tak mahir lagi lama amik masa untuk siap satu jebak ni. Makan bulan jugak lah] (Informan 6, Temu Bual, 22 Oktober 2024)

Hal ini membuktikan bahawa proses pembuatan jebak puyuh bergantung kepada tahap kemahiran individu. Bagi mereka yang sudah berpengalaman, pembuatan jebak puyuh dapat disiapkan dalam masa yang lebih singkat, sekitar empat hari hingga dua minggu. Namun, bagi mereka yang baru belajar atau tidak berpengalaman, proses ini memerlukan lebih banyak masa, dan dalam beberapa kes, boleh mengambil masa yang lebih lama untuk menyiapkan satu jebak. Ini menunjukkan bahawa pembuatan jebak puyuh bukan sahaja memerlukan ketelitian juga penguasaan teknik dan pengalaman dalam menggunakan bahan-bahan diperlukan. Proses ini juga memperlihatkan betapa pentingnya kesabaran dan ketekunan dalam menghasilkan sesuatu yang berkualiti dan berfungsi dengan baik.

Seperti yang dinyatakan oleh Informan 6, tempoh masa untuk menyiapkan satu jebak sangat bergantung kepada tahap kemahiran pembuatnya. Bagi mereka yang berpengalaman, proses ini boleh diselesaikan dalam masa empat hingga empat belas hari. Namun, bagi pembuat baru atau mereka yang menggunakan bahan yang lebih rumit seperti akar reribu, ia boleh mengambil masa beberapa minggu hingga sebulan. Ketelitian diperlukan di setiap langkah terutamanya daripada pemilihan bahan hingga ke proses akhir seperti penyempurnaan ukiran dan anyaman.

Proses ini juga mencerminkan penghormatan terhadap seni warisan dan nilai tradisional. Setiap jebak yang dihasilkan bukan hanya sebagai alat tetapi juga simbol kreativiti, ketekunan, dan keindahan seni Melayu. Oleh itu, pembuatan Jebak Puyuh bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan warisan budaya tetapi juga memberikan peluang kepada generasi muda untuk mempelajari dan menghargai keunikan seni tradisional ini.

4.3.1 Cara Pembuatan Jebak Puyuh

Proses pembuatan jebak puyuh bukan sahaja bergantung kepada ketelitian dan bahan-bahan semula jadi yang digunakan tetapi juga kemahiran, pengalaman, dan kreativiti individu. Pembuatan ini dimulakan dengan pemilihan bahan seperti buluh, rotan, kayu, dan akar reribu. Pokok ribu-ribu ialah juga dikenali sebagai pokok duit-duit, merupakan sejenis tumbuhan paku pakis. Pokok ini biasanya tumbuh melilit pada pokok lain dan sering ditemui di kawasan hutan sama ada di tanah rendah mahupun di kawasan tinggi. Tumbuhan ini mempunyai daun kecil yang membentuk struktur yang menarik, menyerupai duit syiling, yang menjadi punca kepada namanya. Ia juga berfungsi sebagai elemen hiasan semula jadi dalam ekosistem hutan (Ismail, 2013). Sebagai contoh, buluh digunakan untuk rangka, rotan atau dawai untuk sambungan, dan akar reribu untuk anyaman yang unik dan tradisional.



Rajah 4.4: Kayu Dilukis Sebelum Diukir Untuk Lebih Kemas

Sumber: (Shahrudin et al, 2022)

Setelah bahan-bahan disediakan, langkah seterusnya melibatkan pembuatan bahagian utama jebak, termasuk tapak, badan, pagar, dan ukiran. Rajah 4.4 menunjukkan lakaran yang telah dilakar sebelum jebak itu diukir. Perkara pertama yang harus dilakukan adalah melakara atau melukis. Seperti yang dinyatakan pada Informan 1,

Dia bermula idea dia kadang kena panda melukis yo lakar lakar dulu lukis lukis dulu bentuk dia nak buat dia lukis dulu. Kalau kita dulu zaman dulu juga zaman budak budak kita duk tengok orang nak buat wayang kulit pun dia lukis dulu.

[Dia bermula idea dia kadang kena melukis dulu orang panggil melakar bentuk. Kita lakar lakar bentuk dia dulu. Nak buat bentuk tu kene lukis dulu. Macam contoh kalau kita tengok orang buat kulit wayang pon dia lukis dulu.] (Informan 1, Temu Bual, 3 Oktober 2024).



Rajah 4.5: Alatan yang digunakan untuk mengukir


Sumber: Kajian lapangan

Selepas mengukir (Rajah 4.5), kita perlu membuat bahagian tapak kebiasaannya dibuat daripada kayu Nangka dan kayu pokok manggis. Informan 5 menyatakan,

Pahtu kayu, kayu hok pelapik bowoh jebok tu wak dari kayu nako. Kayu nako ni ore kato senei lah nak ukir pahtu yo tehei lamo. Jadinyo kalu untuk pintu, papei, hok mano guno ukiran wak dengan kayu pokok setor ngan kayu nako. Boleh deduo.

[Pahtu kayu, yang pelapik bawah atau muka depan tu buat dari kayu Nangka, kayu Nangka ni orang kata senang lah nak ukir dan dia juga tahan lama. Jadinya kalau nak buat pintu depan, papan, yang yang yang dibuat ukiran diperbuat dari pokok Nangka dan kayu pokok manggis.] (Informan 5, Temu Bual, 28 oktober 2024).

Selepas selesai melakukan papan depan dan perungkup jebak Informan 6 menyatakan bahawa seterusnya yang perlu dilakukan ialah, “*Pastu kalu rotei plok keno wak krisik la wi halus supaya boleh nak wak lengkung tu ok wi jadi spruh bulatei tu. Nok wi senei la jdi perukuk tu.*” [Lepastu kalau rotan pulak kena buat nipis bagi dia halus supaya kita boleh nak buat lengkung badan jebak yang bentuk perangkap.] (Informan 6, Temu Bual, 22 oktober 2024).



Rajah 4.6: Bahagian Jebak Yang Telah Dihasilkan

Sumber: (Shahrudin et al, 2022)

Selepas membuat lengkung atau bentuk badan perangkap langkah yang perludilakukan ialah menganyam badan jebak ini dengan menggunakan akar ribu ribu. Rajah 4.6 menunjukkan bahagian badan jebak puyuh. Badan jebak dianyam dengan corak seperti bunga api, bunga tanjung, atau bunga cengkih, yang bukan sahaja memperindah tetapi juga menunjukkan kreativiti pembuat. Informan 6 menyatakan, “*Bentuk hok melengkung tu. Pastu behei bhei lain kei. Srupu akar ribu ribu pahtu kayu . akar ribu ribu tu hok alus tu wak anyamei. Anyamei hok macei kito wak tikar ko gapo ko.*” [Selepas buat bentuk melengkung tu.pastu bahan bahan lain kan. Seperti akar ribu-ribu pahtu kayu,akar ribu ribu yang dah halus tu nak buat anyaman. Anyaman yang macam kita buat tikar ke apa ke.] (Informan 6, Temu Bual, 28 oktober 2024). Informan 6 menambah bahawa proses pembuatan badan jebak memerlukan ketelitian yang tinggi, terutamanya ketika menggunakan akar ribu-ribu. Akar yang telah dipilih perlu dihaluskan terlebih dahulu sebelum dianyam menjadi corak yang menarik seperti bunga api,

bunga tanjung, atau bunga cengkih. Proses ini menyerupai teknik menganyam tikar tradisional, namun memerlukan kemahiran khusus untuk memastikan anyaman itu kemas dan tahan lama.



Rajah 4.7: Anyaman Bunga Api

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.8: Anyaman Cengkih

Sumber: Kajian Lapangan

Informan 6 (Rajah 4.7 dan Rajah 4.8) turut menekankan bahawa corak yang dihasilkan bukan sekadar hiasan, tetapi mencerminkan identiti seni dan kreativiti pengrajin.

Anyamei hok macei kito wak tikar tu... tapi nak kena kemah, kalu idok susah hok tu nak jadi elok. Corok-corok hok boleh jadi tu hok ikut kita kreatif lah. Boleh jadi bunga api ke, bunga cengkih ke, ikut hok mano kita nok bulei.

[Anyaman yang macam kita buat tikar tu tapi kita kena buat secara kemas, kalau tak susah la nak jadi elok tu. Corak corak yang boleh jadi tu ikut kreatif kita. Boleh jadi bunga api ke, bunga cengkih ke, atau yang mana kita nak]. (Informan 6, Temu Bual, 28 Oktober 2024).

4.4 Faktor Pengurangan Minat Terhadap Jebak Puyuh

Minat terhadap pembuatan jebak puyuh semakin berkurang disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi masyarakat, terutamanya dalam konteks perubahan zaman dan cara hidup. Faktor utama yang menyebabkan penurunan minat ini termasuklah perkembangan teknologi, perubahan gaya hidup masyarakat, serta kurangnya generasi muda yang tertarik untuk mempelajari dan mempraktikkan warisan budaya tradisional ini. Kehadiran teknologi moden dan kemudahan dalam mendapatkan makanan seperti puyuh melalui pembelian atau ternakan menjadikan cara tradisional seperti menangkap burung menggunakan jebak semakin kurang relevan. Perkembangan teknologi yang pesat telah menjadi faktor utama dalam penurunan minat generasi muda terhadap warisan budaya tradisional. Kemudahan akses kepada maklumat dan hiburan melalui peranti digital menyebabkan perubahan pola fikir dan gaya hidup, di mana generasi muda lebih cenderung kepada hiburan moden berbanding seni dan budaya tradisional (Majid et al, 2019). Kenyataan ini turut disokong oleh Informan 6 dengan menyatakan, *“Pahtu loni mana dok ore nak blajar ko. takdok doh ore nak mewarsi. Anak pokcik sendri pok tak minat bendo goni. Dok main gajet blako kalu kelik kampung.”* [lepasu sekarang mana ada orang nak belajar. Takde orang yang nak mewarisi. Anak pakcik sendiri pon tak minat benda gini. Duk main gajet semuanya.] (Informan 6, Temu Bual, 22 Oktober 2024). Hal ini dijelaskan oleh Informan 6 yang menyatakan bahawa jebak puyuh kini lebih dianggap sebagai barang perhiasan atau simbol tradisi daripada alat yang digunakan untuk memenuhi keperluan hidup.

Faktor-faktor ini menyebabkan pengurangan minat terhadap pembuatan dan penggunaan jebak puyuh dalam kehidupan seharian. Informan 5 yang menyokong dengan menyatakan,

Kalu untuk loni tu payoh la. Sebab tak rama pon ore tahu kalu jebok ni. pahtu untuk wak sara diri ni takleh la. Sbb ore nok jebok ni bukei sokmo. Ore nok time demo nok

yah. Mcei nok wak perhiasei ko, wak cendaramato ko. Sbb ore loni takdok doh nok tangakp puyuh loni, ore mudo loni takdok doh nok makei goni.

[Kalau sekarang ni susah la. Sebab tak ramai yang tahu pasal jebak ni, lepastu untuk buat sara diri memang takleh la. Sebab orang nak jebok ni bukan selalu. Orang nak time diornag nak je. Macam untuk buat perhiasan ke, untuk buat cenderamata ke. Sebab orang sekarang takde nak tangakp burung puyuh ni, takde dah orang nak makan makan benda ni.”] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024).

Hal ini membuktikan bahawa perubahan gaya hidup dan kemudahan moden telah menyebabkan pembuatan dan penggunaan jebak puyuh semakin berkurang. Kehadiran teknologi dan akses mudah kepada sumber makanan seperti puyuh melalui ternakan komersial telah menggantikan keperluan untuk menangkap burung dengan cara tradisional.

Selain itu, generasi muda kini lebih tertarik kepada aktiviti moden seperti penggunaan gajet dan tidak lagi mempunyai minat untuk mempelajari warisan tradisi yang melibatkan kemahiran seperti pembuatan jebak puyuh. Maka, penggunaan jebak puyuh kini lebih dianggap sebagai barang perhiasan atau cenderamata daripada alat yang praktikal untuk mencari nafkah, yang menyebabkan penurunan minat terhadapnya.

4.5 Cara Ilmu Diperturunkan

Berdasarkan dokumen "Agama, Tradisi dan Kesenian dalam Manuskrip La Galigo", kesenian merujuk kepada bentuk ekspresi budaya yang kompleks dan memiliki dimensi spiritual, tradisi, serta hubungan erat dengan kepercayaan masyarakat. Kesenian dalam konteks La Galigo tidak hanya berupa karya seni tetapi juga melibatkan elemen ritual, sukma, dan makna sakral yang berkait rapat dengan tradisi dan agama masyarakat Bugis. Ia mencerminkan harmoni antara manusia, alam, dan kepercayaan, serta menjadi warisan penting yang sarat nilai budaya (Rahman, 2008). Cara diperturunkan ni mempunyai banyak kaedah anantara Keluarga berperanan sebagai institusi pendidikan pertama bagi anak-anak. Orang tua dan anggota keluarga lain mengajarkan nilai, norma, dan pengetahuan yang penting untuk kehidupan sehari-hari. Pendidikan ini meliputi aspek moral, sosial, dan budaya yang membentuk karakter individu

Ilmu kesenian ini perlu diwarisi oleh turun temurun. Jebak puyuh ini jugak mempunyai ilmu kesenian yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Kebiasaannya ilmu sebegini diperturunkan secara waris. Sebagai contoh dari ayah ke anak ataupun dari saudara ke saudara. Pernyataan disokong oleh informan,

Pokmud wak jebok ni lamo doh. Start dari jak mudo lagi. Umur time tu tiga belas tahun lagi. Time tu bukei panda terus. time tu kecil lagi yah.time tu baru duk tera wak. Tengok ayah sedaro dok wak goni. Pahtu dei lamo tengok kei, yo jadi minat.

[Pokmud buat jebak ni lama dah. Start daripada umur muda lagi. Umur time tu tiga belas tahun. Time tu tak pandai lagi. Time tu kecil lagi, baru duk try buat je. Tengok ayah sedaro buat jebak ni, pastu lama lama tengok jadi minat la.] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024)

Informan 5 menyatakan bahawa proses pewarisan ilmu kesenian pembuatan jebak puyuh berlaku melalui pengamatan dan pengalaman langsung, di mana generasi muda seperti beliau belajar dari orang tua mereka, khususnya dari ayah atau saudara. Minat untuk mempelajari seni ini berkembang seiring dengan masa, bermula dari ketidaktahuan dan kecintaan terhadap tradisi keluarga. Pembelajaran ini bukan hanya melalui kata-kata, tetapi juga dengan menyaksikan dan terlibat secara langsung dalam proses pembuatan jebak puyuh tersebut. Dengan cara ini, ilmu tradisional dan kemahiran seni ini terus diteruskan walaupun dalam dunia yang semakin moden. Selain itu ada Informan 2 yang mengutarakan bahawa,

Pokcik ni sebab tidak ada warisan. Tidak ada ahli keluarga pun tidak ada daripada datuk daripada ayah pun tak ada pasal buat dia buat puyuh semua semua belajar dengan rakan rakanlah ada saem saem sahabat yang panda panda itu pak cik belajar daripada dia buat belajar pun belajar hok ringkas ringkas je.

[Pokcik ni takde dari warisan, tiada ahli keluarga, tiada dari atuk atau dari ayah pon tidak ada kalua pasal jebak puyuh ni semua. Semua belajar daripada rakan rakan lah yang pandai, kalau pandai pon buat yang ringkas ringkas.] (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Informan 2 menyatakan bahawa walaupun tiada warisan keluarga yang diwarisi, beliau tetap memperoleh ilmu mengenai pembuatan jebak puyuh melalui pembelajaran daripada rakan-

rakan yang mahir. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu kesenian ini tidak hanya bergantung pada pewarisan dalam kalangan keluarga, tetapi juga boleh dipelajari secara tidak formal melalui pergaulan dan pertukaran pengetahuan dengan individu yang berpengalaman. Walaupun teknik yang dipelajari mungkin lebih ringkas, ia tetap mencerminkan semangat untuk mempertahankan tradisi dan mengembangkan kemahiran secara kolektif dalam masyarakat.

4.6 Pihak Yang Bertanggungjawab

Pihak bertanggungjawab merujuk kepada individu atau entiti yang memiliki kewajiban hukum untuk memenuhi hak dan kewajiban yang telah disepakati dalam suatu perjanjian. Konsep ini menunjukkan bahawa tanggungjawab lahir daripada perjanjian dan undang-undang, serta melibatkan kewajiban untuk memastikan tidak ada kerugian yang terjadi pada pihak lain akibat kelalaian atau pelanggaran perjanjian. (Fazriah, 2023). Dalam melestarikan jebak puyuh ni, pihak yang bertanggungjawab seperti pihak-pihak atasan perlu memainkan peranan dalam memajukan jebak puyuh ni. Pernyataan diberi Informan 6,

Pokcik harap kalau kerajaan boleh la wak pertandingei ko gapo ko program, yang boleh kenalkan jebok puyuh ni agar ore atau masayrakat kito ni kenl gapo jebok ni. buat la pertandingei pahtu letok hadoh hok lumayei sikit bia ore rama masuk.

[Pakcik harap kalau kerajaan boleh melakukan pertandingan apa atau apa apa program yang boleh mengenalkan jebak puyuh ni agar ramai yang tahu. buat la pertandingan pastu letakkan hadiah yang lumayan biar ramai yang menyertai.] (Informan 6, Temu Bual, 22 Oktober 2024).

Hal ini menyatakan bahawa Informan 6 percaya bahawa sokongan daripada pihak kerajaan amat penting dalam memastikan kelangsungan tradisi jebak puyuh. Menurut beliau, penganjuran pertandingan atau program khas yang menampilkan jebak puyuh boleh menjadi cara efektif untuk memperkenalkannya kepada masyarakat. Selain itu, dengan adanya insentif seperti hadiah yang lumayan, acara sebegini mampu menarik lebih ramai peserta, sekaligus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang seni pembuatan jebak puyuh.

Cadangan ini menunjukkan bahawa promosi secara aktif dan insentif yang menarik dapat menjadi strategi yang baik untuk mendorong penglibatan masyarakat dalam melestarikan warisan budaya. Program sedemikian juga berpotensi menjadi platform untuk menyebarkan ilmu tentang pembuatan jebak puyuh kepada generasi muda.

Selain itu, terdapat juga Informan 1 yang menyuarakan, “*Ada orang minat tapi kalau duk tengok la ni lah kalau kawasan ni tak pernah dengar lagi orang buat pameran dia besar besarei pasal jebok puyuh ni tak ada.*” [Ada orang minat tapi kalau yang duk tengok ni kalau kat kawasan ni takde lagi orang buat pameran besar besaran pasal jebak puyuh ni, taka da lagi.] (Informan 1, Temu Bual, 3 Oktober 2024). Hal ini membuktikan bahawa kurangnya usaha penganjuran pameran atau acara berskala besar yang khusus untuk jebak puyuh menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan minat terhadap seni tradisional ini. Informan 1 menunjukkan bahawa meskipun ada individu yang berminat, kekurangan program atau pameran yang teratur menyebabkan masyarakat kurang terdedah kepada warisan ini. Pameran atau program seperti ini bukan sahaja dapat menarik perhatian orang ramai tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk mendidik masyarakat mengenai keunikan dan nilai budaya jebak puyuh. Dengan usaha yang lebih konsisten daripada pihak berwajib, pameran sebegini boleh dijadikan platform untuk mempromosikan jebak puyuh sebagai seni tradisional yang bernilai tinggi, serta memberi ruang kepada penggiat seni ini untuk berkongsi ilmu dan kemahiran mereka.

4.7 Kesan Jebak Apabila Dipelihara

Maksud "memelihara" merujuk kepada usaha manusia untuk menjaga, merawat, dan menguruskan alam sekitar dengan baik supaya kelestarian dan keseimbangan alam dapat dikekalkan (Adnan, 2020). Kesan yang baik apabila jebak ini dipelihara dinyatakan oleh Informan 1, “*Kalau kita minat wi bidei ni nak suruh dia cari duit ha tu lah. Kalau kita kecek kito boleh turun tapi boleh ko jadi sumber pendapatei. Kita kena tanya situ.*” [Kalau kita minat dalam bidang ni nak suruh cari duit ha. Kalau kita nak turunkan ilmu boleh tapi itulah sumber pendapatan.] (Informan 1, Temu Bual, 3 Oktober 2024). Kenyataan ini menggambarkan bahawa seni tradisional ini bukan hanya sekadar warisan budaya, tetapi juga mempunyai potensi perkembangan ekonomi yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat. Dengan kemahiran dan kreativiti, jebak puyuh boleh dihasilkan bukan sahaja untuk tujuan

praktikal tetapi juga sebagai barang perhiasan, cenderamata, atau produk seni untuk dipasarkan.

Kenyataan di atas disokong oleh Informan 2, *“Jadi kebanyakan mereka boleh beli lah beli sahaja di kedai. Tak apa tahu buah jebak ni semua tahu guna sahajalah itu.”* [jadi kebanyakan mereka boleh beli di kedai sahaja. tak tahu jebak ni apa, tahu guna je lah]. (Informan 2, Temu Bual, 5 Oktober 2024). Informan 2 menyatakan boleh beli di kedai jika mahu jebak puyuh kalau pada zaman sekarang. Ini menunjukkan orang membuat jebak puyuh boleh menjana pendapatan Informan 2 menyatakan bahawa pada masa kini, orang lebih cenderung membeli jebak puyuh yang sudah siap di kedai berbanding membuatnya sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk menjana pendapatan melalui penghasilan dan penjualan jebak puyuh, terutama jika ia dipromosikan sebagai produk tradisional yang unik.

Kenyataan ini memperkukuhkan pandangan bahawa seni pembuatan jebak puyuh boleh menjadi sumber ekonomi yang berpotensi, terutamanya dalam komuniti yang masih mengekalkan tradisi ini. Sekiranya seni ini dipelihara dengan baik dan digabungkan dengan strategi pemasaran yang berkesan, ia bukan sahaja dapat menarik pembeli tempatan tetapi juga berpotensi untuk menarik perhatian pelancong sebagai sebahagian daripada produk seni dan budaya.

Selain itu, disokong juga oleh Informan 5, *“Kalau pokmud tengok kei, dari segi cucu anak anak pokmud sendiri . sekdio pon tak tahu goni ni oleh wak sebagai pendapatei pahtu so goni payoh nak buat.”* [Kalau pokmud tengok kan, dari segi anak cucu pokmud sendiri. Diorang pon tak tahu benda ni boleh buat sumber pendapatan tapi benda ni susah untuk nak buat] (Informan 5, Temu Bual, 28 Oktober 2024). Informan 5 menekankan bahawa generasi muda dalam keluarganya tidak menyedari potensi jebak puyuh sebagai sumber pendapatan. Selain itu, proses pembuatannya yang rumit juga menjadi halangan untuk generasi muda mempelajari seni ini. Hal ini menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran tentang nilai ekonomi jebak puyuh telah menyumbang kepada pengabaian warisan ini. Oleh itu, langkah untuk meningkatkan kesedaran, seperti melalui program pendidikan dan pendedahan mengenai seni dan budaya tradisional, sangat penting. Sekiranya generasi muda dididik tentang potensi jebak puyuh sebagai produk yang bernilai tinggi, ia bukan sahaja dapat dilestarikan tetapi juga membantu menjana pendapatan dalam kalangan komuniti yang mengusahakannya.

4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dapatan kajian yang diperoleh dengan lebih terperinci dan mendalam berkaitan pengetahuan dan pengekalan seni pembuatan jebak puyuh dalam kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Segala dapatan kajian ini diperoleh melalui pendekatan kualitatif, di mana data dan maklumat dikumpulkan melalui temu bual bersama beberapa informan yang terlibat secara langsung atau mempunyai pengetahuan mengenai jebak puyuh.

Setiap temu bual yang dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif kajian, iaitu memahami sejarah dan asal usul jebak puyuh, mengenal pasti bahan-bahan serta proses pembuatannya, dan menganalisis cabaran serta faktor yang menyebabkan pengurangan minat terhadap seni tradisional ini. Selain itu, kajian ini juga meneliti cara ilmu pembuatan jebak puyuh diperturunkan dan kesan jika seni ini dipelihara.

Hasil daripada temu bual, pengkaji telah memperoleh pandangan berharga daripada informan yang memberikan maklumat mendalam mengenai keunikan, cabaran, dan potensi seni tradisional ini. Pendekatan bersemuka telah membolehkan pengkaji memahami isu dengan lebih jelas dan mendalam, sekaligus memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai warisan budaya ini dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melestarikannya bagi generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bab ini merumuskan keseluruhan kajian berkaitan kepentingan pelestarian warisan budaya dengan memberi tumpuan kepada pengetahuan dan pengkalan pembuatan Jebak Puyuh dalam kalangan masyarakat Tumpat, Kelantan. Perbincangan mencakupi ringkasan Bab Satu, Bab Dua, Bab Tiga, dan Bab Empat, bersama dengan tiga bahagian utama iaitu rumusan kajian, dapatan utama, dan cadangan.

5.1 Rumusan Kajian

Huraian dalam Bab Satu melibatkan pengenalan kepada Jebak Puyuh sebagai salah satu warisan budaya masyarakat Tumpat, Kelantan. Penjelasan merangkumi sejarah, makna simbolik, dan keunikan reka bentuk Jebak Puyuh. Subtopik yang dibincangkan termasuk permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, signifikasi kajian, dan lokasi kajian. Kajian ini bertujuan untuk memahami makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh, proses pembuatannya, serta langkah pelestarian seni kraf ini dalam kalangan masyarakat setempat.

Pembentangan dalam Bab Dua merangkumi ulasan kajian literatur yang menyokong kajian ini, termasuk konsep warisan budaya, definisi budaya tidak ketara, serta penerangan tentang Jebak Puyuh sebagai seni tradisional. Teori simbolik menjadi kerangka utama bagi memahami makna yang terkandung dalam reka bentuk Jebak Puyuh dan hubungannya dengan masyarakat Tumpat. Kajian literatur ini memberikan asas yang kukuh dalam menilai kepentingan pelestarian seni kraf tradisional.

Bab Tiga memfokuskan kepada metodologi kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian dan temu bual melibatkan penggiat seni dan masyarakat setempat. Teknik pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih informan, sementara analisis tematik diaplikasikan untuk menganalisis data yang

diperoleh. Pendekatan ini memastikan pemahaman mendalam terhadap proses pembuatan, nilai estetik, dan langkah pelestarian Jebak Puyuh.

Bab Empat menggariskan dapatan kajian berdasarkan temu bual dan pemerhatian. Penemuan utama menunjukkan makna simbolik reka bentuk Jebak Puyuh, proses pembuatannya, serta cabaran dalam usaha memelihara seni ini. Langkah pelestarian yang disarankan oleh informan, termasuk program pendidikan dan promosi kesedaran, turut dikupas. Perubahan fungsi Jebak Puyuh daripada alat tradisional kepada perhiasan dikenali pasti sebagai dapatan baharu yang menambah nilai kepada kajian ini.

5.2 Dapatan Utama

Dapatan utama yang dikenali pasti dalam kajian ini adalah bahawa masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan telah menerima pengaruh besar daripada budaya tradisional tempatan, khususnya dalam seni pembuatan jebak puyuh. Masyarakat di Kampung Bunohan menunjukkan bahawa seni pembuatan jebak puyuh bukan sahaja berakar dalam sejarah mereka, tetapi juga mempunyai kedudukan penting dalam kehidupan seharian mereka. Jebak puyuh yang pada asalnya merupakan alat tradisional untuk menangkap burung, kini menjadi simbol identiti budaya bagi komuniti tersebut.

Jebak puyuh bukan sekadar sebuah alat perangkap burung, tetapi juga melambangkan keunikan warisan budaya yang diwarisi turun-temurun. Proses pembuatannya memerlukan kemahiran yang tinggi dan pengalaman yang mendalam kerana ia melibatkan pemilihan bahan, teknik anyaman yang teliti, dan penggunaan struktur tertentu bagi memastikan jebak puyuh berfungsi dengan baik. Keunikan ini telah menjadikan jebak puyuh sebagai sebahagian daripada warisan seni tempatan yang mencerminkan kreativiti dan kehalusan seni masyarakat setempat.

Secara langsung, pengaruh budaya tempatan yang kuat, serta keunikan cara hidup yang berasaskan tradisi ini, telah menghasilkan seni pembuatan jebak puyuh yang semakin diterima oleh masyarakat. Proses pembuatan jebak puyuh yang diwarisi turun-temurun memberi impak yang besar kepada identiti dan kebudayaan masyarakat Kampung Bunohan. Seni ini bukan sahaja berfungsi sebagai sumber ekonomi bagi penduduk setempat tetapi juga sebagai simbol kesinambungan warisan budaya. Tambahan pula, seni pembuatan jebak puyuh memainkan

peranan dalam mengeratkan hubungan sosial dalam komuniti, di mana kemahiran dan teknik pembuatannya diajar dan diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Namun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa minat terhadap pembuatan jebak puyuh semakin menurun, terutamanya di kalangan generasi muda. Perubahan sosial seperti migrasi, kemajuan dalam teknologi, dan pendedahan kepada budaya luar turut mempengaruhi keberlanjutan seni pembuatan jebak puyuh dalam kalangan golongan muda. Masyarakat muda yang lebih terdedah kepada gaya hidup moden dan kemudahan yang lebih tinggi kurang berminat untuk meneruskan tradisi ini. Selain itu, faktor ekonomi juga memainkan peranan dalam kemerosotan minat terhadap pembuatan jebak puyuh, kerana pekerjaan dalam sektor lain yang lebih stabil dan menjanjikan pendapatan lebih lumayan telah menarik minat generasi muda untuk beralih kepada bidang pekerjaan yang lebih moden.

Ketiadaan usaha yang sistematik dalam mempromosikan dan mengekalkan seni pembuatan jebak puyuh turut menjadi faktor penyumbang kepada penurunan minat dalam kalangan masyarakat. Misalnya, tiada platform khusus untuk mendidik generasi muda tentang kepentingan seni ini, serta kekurangan sokongan daripada pihak berkuasa tempatan dalam menyediakan peluang latihan dan pemasaran produk jebak puyuh. Hal ini menyebabkan ramai penggiat seni tradisional merasa kurang dihargai, yang akhirnya membawa kepada pengabaian seni tersebut.

Bagi memastikan kelestarian seni pembuatan jebak puyuh, beberapa langkah boleh diambil. Pertama, program pendidikan yang lebih terancang perlu diwujudkan untuk menggalakkan pembelajaran seni ini dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Kursus khas, bengkel pembuatan jebak puyuh, serta aktiviti kokurikulum yang berkaitan boleh diperkenalkan bagi menarik minat generasi muda terhadap warisan budaya ini.

Kedua, pameran seni dan festival budaya yang menonjolkan seni pembuatan jebak puyuh perlu diadakan secara berkala bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan seni ini. Pameran ini boleh menjadi platform untuk memperkenalkan seni pembuatan jebak puyuh kepada pelancong tempatan dan antarabangsa, sekali gus meningkatkan nilai ekonomi produk ini dalam pasaran seni tradisional.

Ketiga, promosi kebudayaan melalui media sosial dan platform digital perlu dipergiatkan. Penggunaan teknologi moden seperti video dokumentari, kandungan interaktif,

dan penceritaan digital mengenai sejarah dan keunikan jebak puyuh boleh membantu menarik minat generasi muda untuk lebih menghargai warisan budaya ini. Kerjasama dengan pengaruh media sosial (*influencer*) yang mempunyai minat terhadap seni dan budaya tradisional juga boleh membantu dalam mempromosikan jebak puyuh kepada khalayak yang lebih luas.

Keempat, usaha untuk mengkomersialkan seni pembuatan jebak puyuh dalam industri kreatif dan pelancongan boleh diperhebatkan. Jebak puyuh boleh dijadikan sebagai cenderamata eksklusif atau produk hiasan seni bagi menarik pembeli dari dalam dan luar negara. Usaha ini bukan sahaja akan membantu dalam menjana pendapatan kepada pengrajin tempatan tetapi juga dalam memastikan kesinambungan warisan seni ini.

Kelima, pihak berkuasa dan institusi berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, serta kerajaan negeri perlu memainkan peranan lebih aktif dalam memberi sokongan kepada penggiat seni tradisional. Bantuan dari segi dana, latihan kemahiran, serta penyediaan ruang untuk mempamerkan hasil seni jebak puyuh boleh membantu dalam memelihara dan memperkasa seni ini.

Secara keseluruhannya, seni pembuatan jebak puyuh di Kampung Bunohan merupakan satu warisan budaya yang penting dan perlu dipelihara untuk generasi akan datang. Walaupun terdapat cabaran dalam memastikan kesinambungan seni ini, langkah-langkah strategik seperti pendidikan, promosi, dan komersialisasi boleh membantu dalam memastikan seni ini terus berkembang. Keprihatinan semua pihak, termasuk masyarakat setempat, pihak berkuasa, dan generasi muda, adalah kunci kepada kejayaan dalam memelihara seni pembuatan jebak puyuh agar ia terus dihargai dan diwarisi sepanjang zaman.

MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Cadangan

Kajian ini berkaitan dengan seni pembuatan jebak puyuh dalam kalangan masyarakat Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan. Sepanjang pelaksanaan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa seni pembuatan jebak puyuh telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya yang penting dalam masyarakat tersebut. Walaupun seni ini telah diterima secara meluas dalam kalangan masyarakat tempatan, namun kini minat terhadap seni pembuatan jebak puyuh semakin berkurangan, terutamanya di kalangan generasi muda. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar usaha-usaha untuk memelihara dan mempromosikan seni pembuatan jebak puyuh perlu dipergiatkan. Salah satu cadangan adalah mengadakan pameran atau pertandingan pembuatan jebak puyuh yang boleh memperkenalkan keunikan seni ini kepada masyarakat umum, termasuk generasi muda. Program seperti ini dapat memberi pendedahan tentang nilai estetika dan sejarah di sebalik pembuatan jebak puyuh, serta memperkenalkan potensi ekonomi yang ada pada seni tradisional ini. Selain itu, penglibatan pihak kerajaan dalam menyediakan insentif atau sokongan untuk acara kebudayaan dan pembuatan jebak puyuh dapat memastikan kelestarian warisan budaya ini terjamin untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, M. S., Khalid, N. N., & Hassan, M. S. (2021). Masalah Kesihatan Orang Asal: Satu Sorotan Literatur. *Organised By*, 20.
- Adnan, R. (2020). *Kaedah Mampan dan Hijau untuk Rawatan Air Tercemar (Penerbit USM)*. Penerbit USM.
- Ahmad, Mohammad Nazzri. (2016). *Falsafah seni ukiran kayu Melayu*. University of Malaya (Malaysia).
- Akta Warisan Kebangsaan 2005. (2005). *Akta 645 Akta Warisan Kebangsaan 2005*.
- Arifin, N. A. M., Mokhtar, S. A., Fauzi, S. N. A., & Nordin, W. N. N. (2024). Seni Tradisional Batik Sebagai Tunjang Warisan Negeri Kelantan. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia*, 2(1), 1-9.
- Awaliyah, N. (2024). *Implementasi Program Kompak Pusaka Sakinah dalam Penyelesaian Konflik secara non-litigasi perspektif Maqāṣid al-syarī'ah: Studi di Kantor Urusan Agama Kecamatan Bacukiki Barat Kota Parepare* (Doctoral dissertation, IAIN Parepare).
- Azman, N., Zakaria, R. H., & Marican, S. (2017). Sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan: kajian kes di Lembah Klang, Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 59-86.
- Damayanti, E., & Ahmadi, A. (2022). Pemberontakan budaya patriarki dalam novel Perempuan yang Menangis kepada Bulan Hitam karya Dian Purnomo: kajian antropologi feminisme Henrietta L. Moore. *Jurnal Bapala*, 9(2), 84-97.
- Desa, M. A. M., & Bakhir, N. M. (Eds.). *Seni dan Reka Bentuk dalam Kearifan Tempatan*. Penerbit USM.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan edisi keempat. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Fadilla, A. R., & Wulandari, P. A. (2023). Literature review analisis data kualitatif: tahap pengumpulan data. *Mitita Jurnal Penelitian*, 1(3), 34-46.
- Friedman, S. L., Brasso, R. L., & Condon, A. M. (2008). An improved, simple nest-box trap. *Journal of Field Ornithology*, 79(1), 99-101.
- Fazriah, D. (2023). Tanggung Jawab Atas Terjadinya Wanprestasi Yang Dilakukan Oleh Debitur Pada Saat Pelaksanaan Perjanjian. *Das Sollen: Jurnal Kajian Kontemporer Hukum Dan Masyarakat*, 1(02).
- Ghazali, M. K. A., Saleh, Y., & Mahat, H. (2022). Level of Sustainability Heritage Cities in Malaysia. *Sains Humanika*, 14(1), 35-46.
- Habidin, N. F., Muhamad, U. A., Ong, S. Y. Y., Chik, T. W. T., & Malim, T. (2021). Pembangunan Penyelidikan dan Inovasi dalam Teknologi, Pendidikan dan Sains Sosial. *Kaizentrenovation Sdn Bhd, Tanjung Malim.*
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep kesediaan keusahawanan berdasarkan kajian kes usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203.
- Hussin, H., Mansor, S. A., Omar, R., Ismail, H., & Hassan, A. (2009). Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk Dan Estetika Daripada Persepsi Umum Dan Orang Melayu: General And Malay Perception Of Art, Decorative Art, Art Design, Design And Aesthetics. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 82-98.
- Indrawardana, I. (2012). Kearifan lokal adat masyarakat Sunda dalam hubungan dengan lingkungan alam. *Komunitas*, 4(1).
- Ismail, N. H. (2013). Budaya dan tradisi seni anyaman Melayu.

- Johnston, M. P. (2014). Secondary data analysis: A method of which the time has come. *Qualitative and quantitative methods in libraries*, 3(3), 619-626.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Kartika, K. W. P., Rahman, Z., & Al Hakim, M. S. M. (2020). Analisis Makna Lagu Sazanka (Kajian Semiotika). *Jurnal Pendidikan Bahasa Jepang Undiksha*, 6(3), 308-313.
- Liamputtong, P. (2009). Qualitative data analysis: conceptual and practical considerations. *Health promotion journal of Australia*, 20(2), 133-139.
- Majid, M. A., Ali, T. I. M. T. M., & Nasir, N. Y. M. (2019). *Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z (Siri Ilmiah APM-ITBM)*. Malaysian Institute of Translation & Books.
- Michl, G., Paterson, C., & Bail, K. (2023). 'It's all about ticks': A secondary qualitative analysis of nurse perspectives about documentation audit. *Journal of advanced nursing*, 79(9), 3440-3455.
- Mamat, M., & Ramli, M. R. (2021). Kecenderungan politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang pasca PRU-14: Suatu pemerhatian kritikal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(3). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1703-20>
- Mohamad, S. A., Norzaman, N. Z. A., Yusof, S. a. M., Rahman, K. a. a. A., Abdullah, M. F. A., Zulkifli, A. P. B. M., & Razali, A. F. (2023). *Isu Dan Permasalahan Industri Kraftangan Tembaga Di Terengganu, Malaysia: Issues And Problems Of The Brassware Handicraft Industry In Terengganu, Malaysia*. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/246>
- Mohd Bahrudin, B., Musrahimin, N., Mustafha, N. N., Wan Abdullah, W. A. M., Nik Ariffin, N.A., & Kamarudin, H. D. (2022). Nilai seni kraf jebak puyuh. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 6(2), 84-105

- Mohd Sidi, M. N. H., Abdul Basir, N. Y., & Mohd Yunus, A. (Warisan kraf negeri Kelantan: Jebak Puyuh. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 5(3), 140-162.
- Mansor, M., & Rahman, M. K. A. (2013). *Merekayasa Kearifan Tempatan: Alam dan Manusia (Penerbit USM)*. Penerbit Usm.
- Mohd Bahrudin, B., Musrahimin, N., Mustafha, N. N., Wan Abdullah, W. A. M., Nik Ariffin, N.A., & Kamarudin, H. D. (2022). Nilai seni kraf jebak puyuh. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 6(2), 84-105
- Mohamad Tajuddin et al.,2017. *Design motif in traditional Tok Su's House in Kedah/Khairul Azhar Azmi* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohd Yusoff Mohd Yuszaidi & Muammar Ghaddafi Hanafiah (2015). Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): penilaian dari aspek perundangan dan penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.
- Muhammad Nazrol Hakim Mohd Sidi et al (2021). Warisan kraf negeri Kelantan: Jebak Puyuh. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)*, 5(3), 140-162.
- Nasir, M. N. M., & Muhamad, A. (2018). Sejarah ukiran kayu dan hiasan perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. <http://journalarticle.ukm.my/12483/>
- Nasution, A. H. (1977). Abdul Haris Nasution. *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia Jilid, 3*.
- Nina Siti Salmaniah Siregar (2012). Kajian tentang interaksionisme simbolik. *Perspektif*, 1(2), 100-110.
- Nurkholis, N., Istifianah, I., & Rahman, A. S. (2020). Peran Penyuluh Agama dalam Program Desa Binaan Keluarga Sakinah Di Desa Dlingo. *Nuansa Akademik: Jurnal Pembangunan Masyarakat*, 5(1), 25-36.

- Panjaitan, A. S., Purnama, S., & Meria, L. (2023). Analisa MBPH: Nasi Sumsum sebagai Pangan Ekonomi bagi Masyarakat Tangerang Selatan. *Jurnal MENTARI: Manajemen, Pendidikan dan Teknologi Informasi*, 1(2), 155-162.
- Rahman, N. (2008). Agama, Tradisi dan Kesenian dalam Manuskrip La Galigo. *Sari (ATMA)*, 26, 213-220.
- Rahman, N. A., & Majid, M. A. (2021). Peranan Dan Sumbangan Nik Rahimah Nik Idris Dalam Bidang Sulaman Kelingkan: The Role And Contribution Of Nik Rahimah Nik Idris In 'Kelingkan': A Malay Traditional Embroidery. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 69-88.
- Ramli, Z., Razman, M. R., Efizon, D., Zakaria, S. Z. S., Arifin, K., ... & Malaysia, P. P. P. (2015). Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran (EHMAP 8). *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran. Langkawi, Kedah*
- Rizali, A. (2020). Eksistensi Dan Strategi Pengembangan Saham Syariah Di Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Ekonomi Islam*, 13.
- Sabri, N. A., Van Holst, S., Schmitt, H., van der Zaan, B. M., Gerritsen, H. W., Rijnaarts, H. H., & Langenhoff, A. A. M. (2020). Fate of antibiotics and antibiotic resistance genes during conventional and additional treatment technologies in wastewater treatment plants. *Science of the Total Environment*, 741, 140199.
- Seidman, A. (2019). Towards a participatory evaluation methodology: the Southern African pilot learning process. In *African Food Systems in Crisis* (pp. 159-180). Routledge.
- Shaharudin, F. S., Ramli, S. H., & Abd Aziz, M. K. (2022). Motifs of Jebak Puyuh'in Kg. Bunohan, Tumpat, Kelantan. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(SI7), 267-274.

- Siregar, I., Nurhaini, P., Al Husaini, H., & Efendi, M. F. (2023). Dinamika kebudayaan masyarakat Kampung Naga dalam menghadapi ancaman kultural budaya luar di Desa Neglasari. *Jurnal Ilmiah Ilmu Sosial*, 9(2), 181-192.
- Sukmana, W. J. (2021). Metode penelitian sejarah. *Seri Publikasi Pembelajaran*, 1(2), 1-4.
- Suhaimi, N. S., Sarpin, N., Omar, R., Chen, G. K., & Gharip, N. H. M. (2023). Cabaran Kerja Penyelenggaraan Bangunan Kediaman Bertingkat Selepas Banjir. *Research in Management of Technology and Business*, 4(1), 1158-1173.
- Tumbilung, W., Lambey, L., Pudjihastuti, E., & Tangkere, E. (2014). Sexing berdasarkan morfologi burung puyuh (*Coturnix coturnix japonica*). *ZOOTEC*, 34(2), 170-184.
- Unesco (2003) Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage, Paris, 17 October 2003. Unesco
- Universiti Malaya Library. (2021). Pameran Ukiran Kayu: Koleksi Ukiran Kayu di Muzium Seni Asia UM. <https://umlibguides.um.edu.my/pamerankayu>
- Yasin, A. A., Masri, R., & Adnan, M. (2022). The Need For Basic Teaching Model Based On Moral Values In Stem Mathematics. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 20(1), 33-46.
- Yusof, H. (2018). *Identiti Ukiran Kayu bagi Rumah Limas Johor* (Doctoral dissertation, PhD Thesis, Universiti Teknologi Malaysia).
- Yusof, M. H. M., & Ramli, Z. (2021). Pengelasan Jenis-Jenis Meriam Tradisional Melayu Berasaskan Kepada Saiz Dan Reka Bentuk (Classification On Types Of Traditional Malay Cannon Based On Size And Design). *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 34(1).
- Zainun, N. (Ed.). (2015). *Wacana Warisan, Pelancongan Dan Seni Dalam Kearifan Tempatan* (Penerbit USM). Penerbit USM.
- Zanki, H. A. (2020). Teori Psikologi Dan Sosial Pendidikan (Teori Interaksi Simbolik). *Scolae: Journal of Pedagogy*, 3(2).